



IKTISAD

KEWANGAN ISLAM

Politeknik Nilai: Siri 1

DR RAZLI RAMLI

IKTISAD ***KEWANGAN ISLAM***

Politeknik Nilai: Siri 1

DR RAZLI RAMLI



©Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS)
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek
71760 Bandar Enstek
Negeri Sembilan
No Tel 06 7980400
No Fax 06 7911269
www.polinilai.edu.my

e-ISBN 978-967-2742-16-6

Hak Cipta Terpelihara Iktisad Kewangan Islam Siri 1 Tidak dibenarkan mengeluarkan mana mana bahagian artikel ilustrasi dan isi kandungan prosiding ini dengan apa cara juga sama ada secara elektronik fotokopi mekanik rakaman atau cara lain kecuali dinyatakan sumbernya

Diterbitkan oleh:

Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS)
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek
71760 Bandar Enstek
Negeri Sembilan

IKTISAD

KEWANGAN ISLAM

Politeknik Nilai: Siri 1

Penasihat

Tn. Hj Wan Zulkifli Bin Wan Zakaria (Pengarah Politeknik Nilai)

Ketua Editor

Zunaidah Binti Zainon (Dagang News)

Timbalan Ketua Editor

Isrulhasrita Binti Ismail (Ketua Jabatan Politeknik Nilai)

Zul Aizat Bin Hamdan (Politeknik Nilai)

Semakan Kandungan

Dewi Maharah Binti Mohd Walid (Politeknik Nilai)

Fakilah Anurul Binti Mohd Azli Navamohan (Politeknik Nilai)

Mohd Shazwan Bin Dzulkapli (Politeknik Nilai)

Mohd Khairil Bin Zainal Bahrin (Politeknik Nilai)

Anis farita Binti Muhamad Yatim (Politeknik Nilai)

Jerina Binti Ibrahim (Politeknik Nilai)

Kamisah Binti Salikin (Politeknik Nilai)

Suzana Binti Ithnain (Politeknik Nilai)

Dr Norazwa Binti Ahmad Zolkifli @ Uda (Politeknik Nilai)

Grafik

Muhammad Noor Baihaqi Bin Mokhtar (Politeknik Nilai)

Siti Noorain Binti Awalludin (Politeknik Nilai)

Ahmad Shauqi Bin Abu Kashim (Politeknik Nilai)

About the Author



Dr Razli Ramli

Industrial Advisory Committee
Politeknik Nilai

Senior Lecturer, Azman Hashim International Business School (AHIBS)
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

Doctor of Management (PHD)
Universiti Utara Malaysia

Bachelor of Economics
The Flinders University, Adelaide, South Australia

Shariah Committee Member Bank Simpanan Nasional (BSN)
Honorary Secretary of Association of Seniors in Islamic Finance (ARIF)
Member of Malaysian Institute of Management (MIM)
Member of Institute of Corporate Directors Malaysia (ICDM)

PENGHARGAAN

Puji syukur kehadiran Allah SWT atas limpahan rahmat dan kurnianya di atas penghasilan Iktisad Kewangan Islam Politeknik Nilai: Siri 1, selawat dan salam semoga sentiasa tercurahkan kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW yang telah menunjukkan kepada kita jalan yang lurus berupa ajaran agama Islam yang sempurna dan menjadi anugerah serta rahmat bagi seluruh alam semesta

Penulis sangat bersyukur karena telah menyelesaikan buku yang bertajuk Iktisad Kewangan Islam Politeknik Nilai: Siri 1. Disamping itu penulis mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu penulis selama pembuatan buku ini berlangsung sehingga berjaya diterbitkan buku ini

Demikian yang dapat kami sampaikan semoga buku ini dapat memberi manfaat bagi pelajar DIB Politeknik Nilai khususnya dan bagi semua pihak amnya

Politeknik

Nilai , 2022

Penulis

Dr Razli Ramli

Kandungan

1. Pengenalan **(m/s 2)**
2. Pematuhan industri kewangan Islam, tidak hanya terhad kepada riba **(m/s 3)**
3. Benarkah kewangan Islam 'dikawal' perbankan konvensional? **(m/s 4)**
4. Tuduhan tidak berasas terhadap kewangan Islam, jawablah dengan berilmiah **(m/s 6)**
5. Sejauh mana anda faham mengenai risiko pelaburan? **(m/s 8)**
6. Menangkis tohmahan wujud riba dalam perbankan Islam **(m/s 9)**
7. Resolusi MPS terhadap kemudahan penstrukturan semula pembiayaan **(m/s 11)**
8. Kekeliruan mata wang digital dan token digital, urus niaga sah atau tidak? **(m/s 13)**
9. Bagaimana sekuriti di Bursa Malaysia boleh hilang status patuh syariah? **(m/s 14)**
10. Perbankan tanpa riba, berhijrahlah sebelum terlambat! **(m/s 16)**
11. Jangan biar nasi sudah jadi bubur, baru nak langgan takaful **(m/s 19)**
12. Bank Islam catat satu lagi sejarah penting **(m/s 21)**
13. Perbankan tanpa riba, berhijrahlah sebelum terlambat! Apa yang anda tahu mengenai moratorium? Ini penjelasannya **(m/s 23)**
14. Mencari simpanan terbaik demi pendidikan anak-anak **(m/s 26)**
15. Kaedah saringan saham berbeza, kepatuhan tetap sama **(m/s 28)**
16. Mengapa kewangan sosial penting ketika pasca pandemik? **(m/s 30)**
17. Kenal pasti 'wang haram' daripada saham tidak patuh syariah **(m/s 32)**
18. Apakah kaitan OPR kepada kemudahan pembiayaan Islam? **(m/s 34)**
19. 'Dah pergi Mekah, berbaloikah saya menyimpan di Tabung Haji?' **(m/s 37)**
20. Menjadikan aktiviti kewangan sosial lebih adil **(m/s 39)**
21. Pemikiran syariah perlu seiring peredaran teknologi **(m/s 41)**
22. Kehendak syariah bukan penghalang usaha seragamkan kaedah saringan saham **(m/s 44)**
23. Kerana 'nila setitik' dalam kewangan Islam **(m/s 46)**
24. Mengapa ketidakpatuhan syariah boleh berlaku dan apa impaknya? **(m/s 49)**
25. Merungkai kekeliruan hukum forex, haram atau harus? **(m/s 51)**
26. Waspada pelaburan emas, ambil tahu patuh syariah atau tidak? **(m/s 54)**
27. Sesuaikan bitcoin sebagai mata wang? Satu kajian perlu dilakukan **(m/s 56)**
28. Memahami kepentingan dasar monetari dan fiskal **(m/s 59)**
29. Mengapa perancangan kewangan Islam penting kepada usahawan? **(m/s 61)**
30. Pentingnya perbetulkan salah faham dalam muamalat kewangan **(m/s 63)**
31. Bila syarikat tidak ambil peduli status patuh Syariah **(m/s 65)**
32. Penggunaan e-dompot dari perspektif keperluan Syariah **(m/s 67)**
33. Adakah pembiayaan perumahan Islam lebih mahal? **(m/s 70)**
34. 'Profit' daripada bank Islam adalah haram, menindas? **(m/s 72)**
35. Mana silapnya ekonomi Islam? **(m/s 74)**
36. Peranan Baitulmal dalam pasaran modal Islam **(m/s 76)**
37. Kesedaran takaful masyarakat Islam masih lemah **(m/s 78)**
38. Penindasan riba yang diharamkan **(m/s 80)**
39. 'Tong kosong' masih berbunyi, tolonglah jangan kelirukan lagi masyarakat **(m/s 82)**
40. Waspada taktik 'penyamun tarbus' dalam skim pelaburan patuh syariah **(m/s 84)**
41. Jangan hanya pandai tuding jari, lebih baik cari ilmu **(m/s 86)**
42. Mampukah serah terima (qabd) matawang berlaku dalam platform elektronik forex? **(m/s 88)**
43. Mana lagi untung - konvensional atau syariah? **(m/s 90)**

Pengenalan

Isu-isu muamalat dan kewangan Islam memerlukan penyelarasan dan pendekatan yang terancang kerana ia melibatkan hukum syarak, peruntukan undang-undang sedia ada dan isu-isu praktikal dan semasa yang dihadapi oleh industri. Oleh itu perlunya satu medium untuk memberi pengetahuan dan kefahaman kepada masyarakat umumnya berkenaan isu-isu muamalat dan kewangan Islam di masa kini.

Seperti yang sedia maklum, peranan ulama' dan sarjana Islam adalah cukup penting dalam memastikan pematuhan produk dan perkhidmatan kewangan Islam kepada prinsip-prinsip Syariah yang telah digariskan oleh Al-Qur'an dan Sunnah. Peranan ini menjadi lebih penting kerana ulama' dan sarjana Islam yang bergelar Penasihat Syariah diberikan amanah juga untuk membantu membentuk produk-produk baru supaya lebih inovatif dan setanding dengan produk-produk konvensional. Malah, tidak keterlaluan kalau disebutkan bahawa masyarakat Islam juga mengharapkan para Penasihat Syariah di institusi-institusi kewangan Islam menjadi "penjaga" kemaslahatan kewangan Islam kepada semua pihak iaitu pelanggan, pihak pengurusan, pihak penyelia dan masyarakat umumnya.

Menyedari realiti dan keperluan semasa, penulis telah mengambil inisiatif untuk membukukan penulisan artikel-artikel berkenaan isu-isu muamalat dan kewangan Islam sepanjang penulis terlibat dalam industri kewangan Islam dalam bahasa yang mudah untuk di fahami dan jelas.

Semoga perkongsian pendapat dan pengalaman penulis dalam buku ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat umumnya dan juga kepada para pelajar yang menceburi bidang kewangan dan perbankan Islam



Pematuhan industri kewangan Islam, tidak hanya terhadap kepada riba

PENGAWALSELIAAN dan tadbir urus merupakan satu perkara yang menjadi rukun dalam mentadbir kehidupan dan ekonomi. Ia perlu dipatuhi agar sistem kehidupan mampu diurus dengan baik lagi harmoni. Al-Quran adalah pengawalseliaan yang diturunkan Allah melalui Nabi Muhammad S.A.W untuk manusia dapat beramal agar serta mentadbir dunia ini dengan baik.

Dari segi tadbir urus pula, Sunnah Nabi Muhammad S.A.W adalah sebenarnya manual atau panduan yang telah dibukukan sebagai hadis untuk kita sama-sama mengikuti dan mengamalkannya agar kita tahu selok-belok perkara yang perlu dilaksana untuk mematuhi arahan Al-Quran.

Kepatuhan pula adalah tindakan manusia untuk mengikut tadbir urus yang ditetapkan agar dapat menepati kehendak pengawalseliaan yang telah ditetapkan oleh Allah.

Kini, pematuhan dan pengawalseliaan adalah tema dunia moden. Ia berkait rapat dengan integriti dan maruah. Kalau dahulu ia tidak popular, namun sekarang dalam perkembangan dunia moden ini, ia menjadi buah mulut setiap badan-badan pemerintah seperti Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan, contohnya.

Malah, ia selari dengan munculnya keprihatinan negara kepada isu alam sekitar dan AMLA (Anti Money Laundering Act). Mulai 2017, melalui United Nations Sustainable Development Goals (SDG), kita dapat dilihat dunia mula memperjuangkan banyak tema baharu seperti tiada kelaparan, air yang bersih, kelestarian alam sekitar, pendidikan untuk semua dan banyak lagi.

Walaupun tema pematuhan, kawal selia dan integriti tidak termasuk dalam senarai 17 SDG ini, namun, kesedaran telah mula dibina dan setiap pemain dalam industri mula bercakap dan bertindak untuk mengadakannya dalam usaha membenters sifat-sifat tidak amanah dan rasuah yang akan meranapkan manusia, masyarakat dan negara.

Tadbir urus berbentuk polisi, manual dan panduan telah dibina untuk dipatuhi. Malah, pengawalseliaan juga diperketatkan, termasuk dalam sistem kewangan negara. Pematuhan dan kawal selia dalam industri kewangan Islam, contohnya, bukan hanya terhadap kepada riba, gharar dan maysir (perjudian) sahaja.

Ia kini telah distrategikan untuk diamal dan diadun bersama nilai kebatilan dalam semua peringkat termasuk tindak tanduk dalaman pengurusan, penzahiran, muamalat, layanan kepada pekerja, skim perkhidmatan dan seumpamanya. Ia harus dipertingkatkan kepada pematuhan menurut piawaian terbaik dunia dalam pematuhan hukum.

Benarkah kewangan Islam 'dikawal' perbankan konvensional?

Penubuhan Bank Islam (Malaysia) Berhad pada 1983 adalah atas desakan penduduk beragama Islam yang sudah lama mahukan satu sistem kewangan tanpa riba dilaksanakan di negara ini.

Sebelum itu, mereka enggan menggunakan kemudahan perbankan dan insurans atas sebab ingin menjadi muslim yang bertakwa, dengan mengerjakan apa yang Allah suruh dan meninggalkan apa yang dilarang agama.

Ini kerana riba adalah haram, dan mereka mahu meninggalkannya. Oleh demikian, ramai dalam kalangan mereka telah menyimpan wang secara membeli aset-aset tetap seperti tanah dan binatang ternakan. Sejarah membuktikan ramai yang beragama Islam adalah kaya raya tetapi bukan dalam bentuk wang tunai, tetapi kaya dengan aset sebegini.

Mengetahui tentang perkara ini, kerajaan telah menubuhkan Bank Islam pada 1983 untuk membolehkan rakyat muslim bertransaksi dalam aktiviti perbankan tanpa riba. Namun, masih kedengaran suara-suara sumbang yang masih lagi mengatakan sistem perbankan Islam ini masih mengikut telunjuk perbankan konvensional serta bergelumang dengan riba.

Pada penulis, perbankan Islam kini telahpun menurut kehendak syariah apabila ia diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) di Bank Negara Malaysia (BNM). MPS ini terdiri daripada mujtahid-mujtahid yang berilmu usul fiqh, fiqh muamalat, qawaid fikhiyyah serta memahami erti ekonomi Islam yang berasas kepada 'divine-based economy' dalam membuat sebarang keputusan (ijtihad). Mereka juga sebenarnya mahir dalam sudut praktikal urusan kewangan Islam moden sekarang.

-Perangkap *fanatic*

Penulis ingin merujuk kepada satu 'kaedah pertimbangan' yang diguna oleh para mujtahid untuk membuat keputusan syariah, apabila berdepan dengan sesuatu isu dalam muamalat. Kaedah tersebut ialah fiqh muwazanat (kaedah pertimbangan).



Fiqh muwazanat ialah kaedah yang digunakan oleh para mujtahid (ahli MPS) untuk mengimbangi ijtihad mereka, di antara keburukan dan kemudaratan iaitu mengambil yang lebih kecil keburukan/mudarat daripada yang lebih besar manakala di antara mengimbangi kebaikan/manfaat (masalah) mestilah mengambil yang besar masalahnya daripada yang kecil.

Penulis juga meminjam kata-kata Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dalam satu ucapan beliau apabila diminta untuk memberikan komen tentang cabaran pelaksanaan kewangan Islam di Malaysia berbanding kewangan konvensional sekarang:

Langkah-langkah yang kecil dan mantap untuk tujuan kejayaan yang lebih besar adalah lebih baik dengan tidak terburu-buru melaksanakan dengan cepat tetapi akhirnya yang dikejar tidak dapat dan yang dikendong keciciran. Pendekatan ini (kewangan Islam) secara beransur-ansur adalah lebih mantap, saya percaya, adalah manfaat yang lebih besar kepada ummah dan masyarakat pada umumnya."

Beliau juga percaya yang sistem kewangan Islam tidak wujud dalam vakum, malah sistem kehidupan sekarang ini adalah sebuah sistem kehidupan dalam dunia yang saling berkaitan dan berarena global, termasuk sistem kewangan.

Malangnya, sistem ini kini ditadbir oleh kuasa-kuasa besar bukan Islam, yang mana umat Islam tidak sepenuhnya bebas untuk mengamalkan cita-cita mereka, termasuklah sistem kewangan.

Sehubungan itu, kita mesti cergas dan pragmatik untuk menyedari bahawa, dalam keadaan sebegini adalah menjadi satu cabaran untuk tidak melaksanakan keseluruhan sistem kewangan Islam dengan tergesa-gesa untuk mencapai semua aspek yang dikehendaki oleh syariah.

Sebaliknya, kita harus bersedia untuk mempertimbangkan strategi pelaksanaan secara beransur-ansur, selagi mana strategi tersebut dalam kerangka yang dibenarkan oleh syariah.

Malah, strategi tambahan juga harus diterokai agar kewangan Islam tidak masuk ke dalam perangkap fanatik dan ekstremisme yang bakal membawa kehancuran kepada ekonomi Islam secara keseluruhan.



Tuduhan tidak berasas terhadap kewangan Islam, jawablah dengan berilmiah

Dengan kedatangan tahun 2022, menandakan sudah lebih daripada 38 tahun kewangan Islam bertapak di tanahair dengan tertubuhnya Bank Islam (Malaysia) Bhd. pada 1983. Walaupun penerimaan sistem kewangan Islam berkembang pesat dan diterima di kebanyakan negara luar, namun, masih ada kedengaran suara sumbang yang mengatakan sistem ini masih lagi bergelumang dengan riba yang diharamkan Allah.

'Back door riba' dan 'tukar perkataan *interest* kepada keuntungan' adalah sebahagian tohmahan yang sering didendangkan.

Penulis tidak mahu mengulas tentang pendapat mereka, tetapi ingin menyarankan 4 jawapan yang mungkin berguna dalam menangani isu ini.

PERTAMA

-Kenali siapa yang melemparkan tuduhan tersebut. Kalau ia dilontar oleh para sahabat yang tidak mempunyai latar belakang kewangan Islam atau syariah maka penulis merasakan kita akan banyak 'buang masa' bertegang leher dengan mereka. Jadi, usah layan dan nasihat mereka untuk pergi mencari ilmu di kursus-kursus tersedia untuk menghadam asas syariah dahulu.

KEDUA

-Jika yang menuduh itu daripada golongan syariah, adalah bijak kalau kita jangan berdebat dengan mereka. Lebih baik diam tanpa berhujah sambil menasihati mereka untuk berbincang dengan ustaz-ustaz penasihat syariah yang seangkatan dengan mereka. Barulah 'bahasa' mereka seia sekata dalam perbahasan.




KETIGA

-Penulis menyarankan kita ambil kritikan mereka dan membandingkannya dengan resolusi-resolusi syariah yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan juga Majlis Penasihat Syariah di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Rujukan boleh juga dibuat kepada warta-warta yang dikeluarkan oleh para penasihat syariah institusi kewangan Islam yang berfungsi di bawah Dokumen Dasar Tadbir Urus Syariah. Oleh demikian, ilmu diri akan terus menerus berkembang.

KEEMPAT

-Sekiranya tuduhan tersebut daripada para ulama luar negara, maka kita boleh beritahu mereka yang sistem kewangan di Malaysia ini beroperasi di bawah penyeliaan ulama-ulama yang cerdik lagi pandai seperti mereka juga. Maka, kita di Malaysia haruslah menuruti segala keputusan yang digariskan oleh para ulama di sini. Kalau kita ingin beroperasi kewangan di negara mereka, kita akan ikut keputusan mereka. Kalau mereka mahu beroperasi di Malaysia, mereka perlu juga menghormati keputusan ulama di sini.

Akhir kata, tahun 2022 diharap dapat mengembalikan kegemilangan kewangan Islam yang terbantut akibat daripada pandemik COVID-19. Sebagai rakyat marhaen kita seharusnya menghormati keputusan yang telah diisytihar oleh para ulamak dalam kewangan Islam. Selamat tahun baharu. Semoga kedatangan 2022, menjadi tahun kita bina semula ekonomi negara.



Sejauh mana anda faham mengenai risiko pelaburan?

PEMILIHAN untuk membuat pelaburan patuh syariah dalam dana amanah adalah satu daripada urusan perancangan kewangan individu untuk memastikan setiap ringgit bagi pelaburan mereka membawa keuntungan yang baik dan juga beroleh keberkatan. Oleh demikian, para ejen dan juga pelabur dinasihat untuk memastikan mereka faham dengan teori pelaburan, yang mana pulangan sesuatu pelaburan mesti berkait dengan tahap risiko diambil dalam pelaburan tersebut. Apabila ingin memilih untuk melabur dalam dana unit amanah, maka yang pertama sekali, pastikan dana unit amanah tersebut adalah dana amanah patuh syariah.

Secara dasarnya, kini terdapat lebih daripada 300 dana unit amanah yang patuh syariah dalam industri. Kedua, para pelanggan perlu memeriksa selera risiko. Apa yang dimaksudkan di sini ialah, sejauh mana mereka mampu untuk rugi sekiranya pelaburan yang dibuat itu tidak menguntungkan, sebelum memilih dana-dana yang ditawarkan. Adakah mereka berselera risiko tinggi atau rendah risiko atau di antara kedua-duanya.

Apabila telah yakin dengan selera risiko diri, maka para pelanggan boleh meminta penjelasan dan nasihat daripada ejen-ejen dana unit amanah untuk memilih pelaburan mana yang mereka inginkan. Harus diingatkan bahawa prinsip pelaburan yang berdasarkan kepada 'the higher the risk, the higher the return (pulangan)' akan terpakai di sini.

Di pihak ejen dana unit amanah pula, mereka bertanggungjawab menerangkan dengan jelas kelas-kelas dan risiko pelaburan sebelum meminta pelanggan menyesuaikan pilihan mereka dengan dana unit amanah yang mereka tawarkan.

Pada masa sama, mereka juga perlu menceritakan sejarah prestasi dana unit amanah tersebut sama ada baik atau buruk. Dalam hal ini, ejen kena telus dalam penjelasan mereka. Ini kerana tugas mereka bukan sahaja hendak menjual dana unit amanah tetapi menjadi penyebar ilmu kepada para pelanggan.

Walaupun, para pelanggan sudah membaca prospektus dana unit amanah, namun, para ejen dinasihat untuk mengulangi lagi penerangan kepada para pelanggan tentang dana unit amanah mereka. Antara perkara penting yang perlu diterangkan adalah seperti apakah 'aggressive fund', bagaimana 'fixed income fund works' dan kenapa pilih 'balance fund'.

Tambahan pula, setiap risiko yang dicatat dalam prospektus juga perlu diulang kepada para pelanggan, agar mereka benar-benar faham tentang risiko pelaburan yang bakal mereka buat. Jangan lupa untuk menerangkan semua terminologi yang ditulis dalam prospektus tersebut. Setelah para ejen menerangkan maka pada penulis barulah mereka 'terlepas' daripada tanggungjawab untuk memastikan bakal pelanggan mereka itu membuat pilihan tepat dengan selera mereka. Dalam erti kata lain para pelanggan telah dimaklumkan dengan baik oleh ejen yang beretika, komited dan bertanggungjawab sebelum mereka buat pilihan untuk melabur dalam dana unit amanah patuh syariah. Bagi penulis, inilah perkhidmatan 'tambah nilai' yang dinantikan oleh para pelanggan dana unit amanah.

Menangkis tohmahan wujud riba dalam perbankan Islam

Walaupun bermula sejak 1983, masih kedengaran siulan-siulan yang mengatakan bahawa riba masih ada diamalkan dalam perbankan Islam. Para cendekiawan Islam dikatakan cuba menyembunyikan riba dalam untung dan seterusnya membina konsep jual beli untuk mengaburkan mata para pelanggan bank.

Apakah ia benar?

Kemudahan kredit dalam perbankan sebenarnya adalah untuk membantu individu ataupun entiti perniagaan yang memerlukan bantuan kewangan. Keperluan bantuan kewangan ini adalah:

-Untuk modal pusingan (*working capital*) persendirian atau untuk kos perbelanjaan (*operating expenditure*) perniagaan seperti gaji pekerja dan bil-bil tetap.

-Untuk memiliki harta seperti rumah, tanah, kenderaan dan lain-lain aset
Dalam perbankan tradisional biasanya bank akan beri pinjaman kepada individu dan entiti yang memohon untuk mendapatkan kemudahan kewangan seperti kedua-dua sebab seperti di atas.

Bank akan dikenakan faedah atas jumlah pinjaman yang diberikan kepada pelanggan. Sedangkan dalam perbankan Islam, pinjaman dibenarkan tetapi tanpa faedah. Jadi, sebagai syarikat perniagaan, urus niaga memberi pinjaman tanpa faedah kepada pelanggan adalah tidak bijak selain daripada aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk membantu secara ihsan sahaja. Kalau terus-menerus bank memberi kemudahan pinjaman, bank tidak mampu untuk menanggung kos perbelanjaan termasuk gaji para pekerja dan sebagainya.



-Kemudahan bukan pinjaman

Oleh itu, perbankan Islam telah mengadakan kemudahan kredit yang berdasarkan kepada kemudahan bukan pinjaman. Kemudahan kredit ini adalah berdasarkan kepada konsep jual beli di mana keuntungan yang dijana oleh transaksi tersebut dapat dijadikan pendapatan kepada bank.

Sebenarnya, pendekatan kemudahan kredit bukan pinjaman tanpa faedah ini adalah urus niaga jual beli suruhan Allah seperti di dalam Al-Quran, surah Al-Baqarah ayat 275:

“Orang-orang yang memakan riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan syaitan kerana gila. Yang demikian itu kerana mereka berkata bahawa jual beli sama dengan riba. Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Barangsiapa mendapat peringatan dari Tuhannya, lalu dia berhenti, maka apa yang telah diperolehnya dahulu menjadi miliknya dan urusannya (terserah) kepada Allah. Barangsiapa mengulangi, maka mereka itu penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya”.

Oleh demikian, batu asas operasi kemudahan kredit perbankan Islam adalah daripada ayat terus dan ia terus berkembang. Ia adalah suruhan Allah dan bukan direkacipta untuk menyembunyikan riba seperti yang diungkit oleh sebilangan individu yang, pada firasat penulis, tidak memahami ilmu fiqh muamalat dan usul fiqh.

Untuk kemudahan pemilikan harta pula, konsep-konsep jual beli yang lain seperti jual beli pembuatan, sewaan untuk pemilikan, pemilikan secara ansuran dan beberapa konsep lagi telah tersedia di pasaran perbankan Islam. Konsep-konsep ini adalah sejajar dengan suruhan Allah di mana ia mampu untuk membenteras kegiatan pinjaman dengan faedah yang telah menjadi wabak dalam sistem kewangan negara.

Penulis menyeru agar kita sama-sama saling membantu untuk menyebarkan ilmu muamalat Islam ini agar kesedaran para pelanggan dalam kemudahan kredit perbankan Islam dapat ditingkatkan.



Resolusi MPS terhadap kemudahan penstrukturan semula pembiayaan

BAGI menangani cabaran pandemik COVID-19, terdapat beberapa kemudahan diberikan institusi perbankan kepada para pelanggan mereka untuk meringankan beban dalam menguruskan aliran tunai. Antara kemudahan ini termasuklah perkhidmatan penjadualan semula dan perkhidmatan penstrukturan semula pembiayaan.

Penjadualan semula pembiayaan membolehkan pelanggan mengatur semula jumlah bayaran bulanan mereka kepada jumlah yang mampu dibayar, dengan melanjutkan tempoh pembiayaan, tanpa sebarang caj tambahan dan perjanjian baharu. Bagaimanapun, terma dan syarat perjanjian awal tetap sama.

Kemudahan penstrukturan semula pembiayaan pula adalah proses yang mana para pelanggan akan menutup akaun pembiayaan asal dan membuka satu akaun baharu dengan terma dan syarat baharu.

Oleh demikian, jumlah bayaran bulanan baharu termasuk tempoh pembiayaan yang dikemaskini akan ditentukan. Perjanjian yang baharu akan ditandatangani antara pihak pelanggan dan institusi perbankan.

Namun, Majlis Penasihat Syariah (MPS) BNM pada 14 Julai 2020, telah mengeluarkan resolusi berkaitan amalan penstrukturan semula pembiayaan Islam ketika penularan pandemik ini, berhubung dokumentasi, perjanjian dan transaksi kemudahan penstrukturan semula.

Berikut adalah ringkasan yang diputuskan MPS berkuatkuasa kepada pihak institusi perbankan dan para pelanggan yang terlibat untuk mematuhi:

-Dokumentasi dan perjanjian penstrukturan semula kemudahan kredit berdasarkan kepada kontrak asal kemudahan kredit tersebut boleh dilaksanakan menggunakan '*supplementary agreement*' sahaja, tanpa membuat perjanjian baharu



-'*Supplementary agreement*' ini mestilah dibaca bersama (*cross referred*) kepada terma dan syarat perjanjian asal kemudahan kredit tersebut

-Tujuan amalan sebegini adalah untuk mengelak kos-kos tambahan dan meringankan bebanan para pelanggan institusi perbankan yang terkesan dengan pandemik ini

-Proses penstrukturan semula daripada kemudahan kredit konvensional kepada Islamik juga dibenarkan

-Namun begitu, penstrukturan semula daripada kemudahan kredit Islamik kepada konvensional adalah dilarang, kecuali jika pelanggan mendesak untuk berbuat demikian, setelah dinasihati oleh pihak institusi perbankan

Dalam pada itu, institusi perbankan juga hanya dibenarkan untuk menstruktur semula jumlah prinsipal kemudahan kredit yang asal sahaja. Institusi perbankan dilarang sama sekali untuk melaksanakan penstrukturan semula jumlah keuntungan terakru kemudahan kredit yang asal.

Tambahan pula, institusi perbankan hanya dibenarkan memberi kemudahan kredit baharu dengan jumlah pembiayaan baharu yang sama dengan jumlah 'outstanding' prinsipal kemudahan kredit asal sahaja. MPS membenarkan institusi perbankan mengenakan kadar keuntungan baharu atas jumlah kemudahan kredit baharu kepada para pelanggan.

Ini bermakna jumlah keuntungan terakru kemudahan kredit yang asal bersama caj lewat bayar, jika ada, boleh dibawa ke hadapan dan dijadikan jumlah obligasi hutang pelanggan tersebut tanpa 'capitalised' dalam pengiraan keuntungan pembiayaan baharu yang bakal distrukturkan semula.

SAC Majlis Penasihat Syariah
Shariah Advisory Council
Bank Negara Malaysia




Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission
Malaysia

Kekeliruan mata wang digital dan token digital, urus niaga sah atau tidak?

Selari dengan perkembangan teknologi kewangan (*Fintech*) dewasa ini, penulis menerima banyak persoalan tentang status urus niaga digital dalam industri kewangan. Antara persoalan yang dibangkitkan termasuklah berkaitan mata wang digital dan token digital. Penulis juga berpendapat masih ramai dalam kalangan rakyat masih tidak memahami perbezaan mata wang digital dan token digital.

Secara dasarnya, mata wang digital adalah satu representasi nilai digital yang dicatatkan pada lejar digital kemudiannya diedarkan dan ia dijamin secara kriptografi atau sebaliknya. Ia berfungsi sebagai medium pertukaran dan boleh ditukar dengan mata wang sesebuah negara melalui pengkreditan atau pendebitan akaun.

Berdasarkan pembacaan penulis apabila meneliti pandangan yang diwarta oleh Majlis Penasihat Syariah di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), dari sudut syariah, mata wang digital dalam bentuk representasi nilai digital ini boleh dikategorikan sebagai barang atau aset yang boleh dijual beli atau didagangkan dengan wang ('urudh). Ia bukannya tergolong dalam kategori mata wang yang disah perlakuan oleh sesebuah negara, justeru, mata wang digital sebegini tidak dikategori sebagai barangan ribawi.

Namun begitu, sekiranya mata wang digital ini disokong oleh barangan ribawi yang terdiri daripada emas, perak dan mata wang sesebuah negara, maka ia akan dikategorikan sebagai mata wang yang sah diperlakukan (iaitu, ia jatuh dalam kategori barangan ribawi), dari perspektif syariah.

Sementara itu, token digital pula membawa bermaksud representasi digital yang direkodkan pada lejar digital yang kemudiannya diedarkan dan diawasi secara kriptografi atau sebaliknya. Untuk makluman, token digital ini pula telah diiktiraf sebagai harta atau aset (mal). Seperti mata wang digital, dari sudut syariah, ia juga tergolong dalam kategori barang yang boleh dijual atau didagangkan dengan wang.

Sekiranya token digital ini disokong oleh barangan ribawi, maka dagangan token digital tersebut akan tertakluk kepada syarat-syarat syariah dalam transaksi barangan ribawi dan perlu mengikuti syarat kontrak Bay' Al Sarf. Antara syarat paling ketara dalam kontrak jual beli mata wang (Bay' Al Sarf) adalah transaksi pertukaran token digital ini hendaklah dilaksana secara 'on spot' tanpa ada penangguhan penghantaran token digital tersebut.

Penulis memperolehi definisi 'mata wang digital' dan 'token digital' ini daripada *Capital Markets and Services (Prescription of Securities) (Digital Currency and Digital Token) Order 2019*", yang berkuat kuasa pada 15 Januari 2019. Oleh itu, penulis mencadangkan agar maklumat terperinci tentang status ini dapat ditelaah dengan lebih lanjut menerusi laman web SC.

Bagaimana sekuriti di Bursa Malaysia boleh hilang status patuh syariah?

DI MALAYSIA, tanggungjawab pengisytiharan sekuriti yang diapungkan di Bursa Malaysia adalah di bawah Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SACSC). Pengisytiharan kepatuhan sesuatu sekuriti tersebut dibuat 2 kali setahun, iaitu, pada setiap hari Jumaat terakhir Mei dan November setiap tahun. Untuk bulan ini, ia akan diwartakan pada Jumaat, 26 November.

Apa yang akan berlaku ialah terdapat sekuriti-sekuriti yang kini diklasifikasi sebagai patuh syariah akan bertukar status kepada sekuriti tidak patuh syariah. Juga, akan terdapat juga sekuriti-sekuriti yang kini tidak patuh syariah, akan menjadi patuh syariah.

Pertukaran status yang bakal diisytihar oleh SACSC adalah hasil daripada proses saringan yang dibuat berdasarkan kepada beberapa lapisan saringan secara kuantitatif dan kualitatif. Antara sebab-sebab utama yang menyebabkan pertukaran status patuh syariah kepada tidak patuh syariah ini adalah disebabkan pendapatan syarikat tersebut dari sumber yang haram seperti faedah telah melebihi paras yang dibenarkan oleh SACSC.

Penggabungan syarikat dengan syarikat yang teras aktiviti perniagaan mereka bertentangan dengan syariah juga menjadi punca pertukaran status ini. SACSC juga melihat kepatuhan syariah sesuatu sekuriti secara kualitatif. Ia adalah satu kaedah yang unik diilhamkan oleh SACSC kerana mereka telah diberi mandat oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk membuat saringan yang tepat.



SC adalah badan penyelia dalam industri pasaran modal yang telah diberi mandat oleh kerajaan untuk mengawalselia pemain-pemain kewangan dalam pasaran modal di Malaysia.

Sebelum memutuskan sesuatu sekuriti itu patuh syariah, SACSC akan melihat dan mempertimbangkan kriteria-kriteria berikut secara kualitatif, termasuk imej yang bersangkutan dengan pandangan umum masyarakat tentang imej syarikat perlulah baik dan menyenangkan.

Selain itu, aktiviti teras syarikat juga diperhatikan oleh SACSC seperti perlu ada kepentingan serta kebaikan secara umum kepada umat Islam, unsur-unsur yang tidak menepati syariah dalam aktiviti syarikat adalah amat sukar dielakkan serta ia amat kecil dan boleh dimaafkan dan amalan kebiasaan/adat dan hak-hak masyarakat bukan Islam (yang diperaku oleh Islam) juga perlu ditimbang.

Kemungkinan akan ada juga dalam kalangan sekuriti yang bertukar status kepada tidak patuh syariah disebabkan oleh gagal menepati imej dan aktiviti teras syarikat kualitatif seperti di atas.



Perbankan tanpa riba, berhijrahlah sebelum terlambat!

Tahun 1442 Hijrah kini telah berlalu dan membolehkan kita mencongak peratusan kejayaan menggapai azam yang kita buat selama ini. Keazaman tahun 1443 kini menjanjikan seribu satu harapan dan ramalan yang perlu kita teroka dan capai. Tidak ketinggalan juga kita sebagai rakyat Malaysia, perlu berusaha memakmurkan diri dengan cara hidup yang sihat, beretika dan menguntungkan. Perpaduan yang kita cari, untuk memakmurkan negara tercinta, Malaysia.

'Muamalat' ataupun aturcara hidup yang sihat sesama manusia di bumi Allah ini perlu diambil perhatian wajar demi mencapai wawasan masyarakat bersatu padu, aman bahagia, makmur dan diberkati Yang Esa. Ia juga termasuk amalan perbankan kita seharian dengan mana-mana institusi kewangan di negara ini.

Pertumbuhan kewangan Islam amat ketara kini dan tidak dinafikan ia membuktikan, Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat, dan menjadi pengekspot terbesar sumber kerja manusia berkaitan kewangan Islam di serata pelusuk dunia. Namun begitu, kita perlu terus berusaha agar titik-titik kebangkitan daulah Islam ini seimbang dengan iklim kita di Malaysia yang mempunyai masyarakat majmuk berbilang kaum, pelbagai bangsa dan agama.

Sensitiviti perkauman dan agama perlu dipertahankan dan setakat ini kita berjaya melakukannya dengan cemerlang. Sebenarnya sikap keterbukaan dan toleransi yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia ialah kunci kejayaan kita dalam mempertahankan kemakmuran yang kini dikecapi semua.

Sepertimana kita ketahui, riba atau dalam kata lain bunga atau faedah yang diperoleh daripada akaun simpanan ataupun dikenakan institusi kewangan ketika membuat pinjaman kemudahan perbankan adalah haram di sisi agama Islam. Ia tergolong dalam 7 dosa besar seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:



Sepertimana kita ketahui, riba atau dalam kata lain bunga atau faedah yang diperoleh daripada akaun simpanan ataupun dikenakan institusi kewangan ketika membuat pinjaman kemudahan perbankan adalah haram di sisi agama Islam. Ia tergolong dalam 7 dosa besar seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Jauhilah diri kamu daripada tujuh dosa yang boleh membinasakan. Baginda ditanya: "Apakah dosa itu wahai Rasulullah?" Baginda berkata:"Syirik kepada Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah melainkan dengan jalan yang benar, memakan harta anak yatim, memakan riba, lari dari medan pertempuran perang dan menuduh perempuan yang suci melakukan zina."

Riwayat Muslim.

'Makan riba' boleh membinasakan. Itu kata Rasulullah SAW. Memang benar kerana riba, banyak pelanggan bank yang muflis kerana tidak mampu membayar faedah pinjaman yang tinggi dikenakan kepada mereka.

Kerana riba, 'Ah Long' sanggup melakukan jenayah. Kerana riba, yang kaya terus kaya dan yang miskin terus dirundung malang. Sudahlah jatuh, ditimpa tangga seterusnya digigit anjing lagi.

Kerana riba juga, ramai ibu bapa kini menghadapi masalah sosial yang kian mengancam keutuhan masyarakat Malaysia yang terkenal dengan ketinggian budi pekerti dan tata susila ketimuran.

Walaupun ia jelas bahawa kebangkitan kewangan Islam bukan untuk mengIslamkan seluruh rakyat Malaysia, akan tetapi nilai murni di sebalik penggunaan kontrak-kontrak Islam dalam banyak produk perbankan diakui oleh pelbagai pihak seluruh dunia.



Ini kerana ia berjaya menghakis nilai-nilai lintah darat, ketidakpastian, tidak telus, unsur judi dan beberapa aktiviti yang tidak beretika dalam transaksi kewangan di pasaran kewangan negara.

Penulis amat yakin tidak ada sesiapa pun yang akan menyangkal kenyataan-kenyataan berikut: Arak itu jijik, mengkhayalkan, tidak baik untuk kesihatan dan memabukkan. Judi itu sama senagkatan juga, tabiat yang buruk dan memporak-perandakan institusi kekeluargaan dan tidak beretika.

Jadi, apa kurangnya dengan riba? Kesemua perkara ini adalah penghalang kepada perpaduan ummah, tidak kita orang Islam atau orang bukan Islam.

Jika sekiranya pelekat 'Minuman keras dilarang dijual kepada umat Islam' boleh ditampal di kaunter-kaunter minuman keras, 'Berjudi adalah haram di sisi agama Islam' boleh ditampal di premis-premis syarikat judi, kenapa tidak 'Produk berteras riba hanya untuk pelanggan yang bukan Islam' tidak boleh ditampal di pintu masuk kesemua institusi kewangan bank di Malaysia ini?

Kalau benar kita menghayati konsep hijrah, maka mari kita berhijrah secara keseluruhan. Hijrahlah sekarang sebelum terlambat. Tinggalkan perbankan yang ada unsur riba. Merdekakanlah diri!

Manhaj Rabbani, Ummah Berkualiti.



RIBA

Jangan biar nasi sudah jadi bubur, baru nak langgan takaful

SALAH satu produk takaful yang tersedia ialah perlindungan bencana alam seperti banjir termasuk tanah runtuh (untuk harta benda), kenderaan bermotor dan kediaman. Namun, masih ramai di luar sana tidak sedar akan kepentingan produk perlindungan sedemikian.

Apabila berlaku sahaja insiden luar jangkaan, barulah kesedaran akan timbul tentang pentingnya perlindungan bencana alam ini, walaupun ia tidak disyaratkan oleh pihak pembiaya (sekiranya kediaman atau kenderaan bermotor dibiaya oleh bank).

Ibarat sudah terhantuk, baru terngadah. Nasi sudah jadi bubur.

Sebenarnya perlindungan bencana alam sebegini telah lama ditawarkan kepada pelanggan tetapi ramai yang tidak mahu mengambil perlindungan ini disebabkan terdapatnya tambahan harga sumbangan (premium) ke tabung tabarru' yang perlu dijelaskan.

Tambahan pula, amat jarang berlaku musibah bencana alam seperti banjir pada hujung tahun lalu yang mengakibatkan banyak kerosakan kepada kenderaan.

Penulis mengharapkan agar bencana alam ini dapat membuka mata para pelanggan untuk memastikan mereka melanggan takaful perlindungan bencana alam yang disediakan oleh 4 penyelia takaful, iaitu Syarikat Takaful Malaysia Am Bhd., Takaful Ikhlas General Bhd., Etiqa General Takaful Bhd. dan Zurich General Takaful Malaysia Bhd.

Menurut Persatuan Insurans Am Malaysia (LIAM), kadar standard bagi perlindungan sama ada takaful atau insurans ke atas bencana alam merangkumi tambahan sekitar 0.086% untuk banjir dan 0.081% bagi tanah runtuh daripada jumlah perlindungan biasa.



Bagi kenderaan bermotor pula kebiasaannya tambahan sekitar 0.2 hingga 0.25% di atas jumlah perlindungan biasa.

Oleh itu, pelanggan sebenarnya boleh sahaja membuat penambahan perlindungan mengikut keperluan peribadi.

Seperkara lagi yang ingin penulis maklumkan ialah, sebarang tuntutan ganti rugi adalah bergantung kepada polisi atau sijil (perjanjian) individu dan isi rumah sama ada menambah klausa banjir dan bencana alam ke atas perlindungan kenderaan dan harta benda atau tidak.

Dalam hal ini, kepada para pelanggan yang terkesan dengan bencana alam ini, boleh merujuk kepada perjanjian mereka dahulu sebelum melontarkan kata-kata sumbang kepada pihak takaful kerana tidak membantu.

Sekiranya dalam perjanjian tiada perlindungan untuk bencana alam seperti banjir, maka pelanggan tidak boleh menuntut apa-apa daripada pihak takaful mahupun insurans.

Harus diingat bahawa penyedia takaful mahupun insurans bukanlah badan kebajikan.

Di tahun 2022 ini, penulis menyeru para pelanggan untuk melanggan perlindungan bencana alam daripada pihak takaful demi memastikan pengurusan kewangan kita tidak terbantut sekiranya terlibat dengan musibah yang tidak tahu bila akan berlaku.



Bank Islam catat satu lagi sejarah penting

Pengambilalihan status penyenaian BIMB Holdings Bhd. oleh Bank Islam Malaysia Bhd. pada Jumaat lalu, mencatatkan satu lagi sejarah dalam sistem kewangan Islam tanah air. Dengan pengambilalihan ini, Bank Islam telah mengambil peranan sebagai syarikat induk dan BIMB menjadi anak syarikat kepada Bank Islam.

Dengan penyenaian tersebut juga, BIMB telah dinyahsenarai daripada Pasaran Utama Bursa Securities. Bank Islam akan menggunakan nama pendek saham sedia ada (BIMB), kod saham (5258) dan kod nombor pengenalan sekuriti antarabangsa (ISIN) BIMB (MYL525800008).

Bagi penulis terdapat beberapa hikmah apabila Bank Islam disenaraikan di Bursa Malaysia. Salah satu daripada tujuan penyenaian ini ialah Bank Islam akan mendapat akses daripada pasaran modal.

Suntikan modal menerusi dana yang datang daripada pasaran modal dapat menyokong inisiatif Bank Islam untuk terus menyumbang kepada industri kewangan Islam dengan penciptaan produk-produk dan perkhidmatan payuh syariah yang lebih inovasi, dinamik dan canggih.

Salah satu perkara yang menjadi kekuatan pelanggan Bank Islam ialah kepercayaan kepada institusi perbankan Islam tersebut.

Dengan penyenaian ini, ia membuka peluang kepada pelanggan-pelanggan tegar Bank Islam bertindak sebagai pelabur untuk terlibat secara langsung dalam pertumbuhan ekuiti dan masa hadapan bank ini.

Modal Bank Islam akan menjadi semakin kukuh dan ia sudah tentu akan mendapat penilaian kredit yang baik daripada agensi-agensi penarafan di dalam dan luar negara.



Modal Bank Islam akan menjadi semakin kukuh dan ia sudah tentu akan mendapat penilaian kredit yang baik daripada agensi-agensi penarafan di dalam dan luar negara.

Malah, Bank Islam yang akan muncul sebagai satu-satunya institusi kewangan Islam lengkap tersenarai di rantau ini, secara tidak langsung meningkatkan status kedudukan korporat mereka.

Hasilnya, kedudukan kukuh Bank Islam dalam pasaran kewangan dan modal Islam terserlah, sekali gus memanfaatkan pertumbuhannya dalam usaha mengembangkan asas pelanggan.

Bank Islam juga akan mendapat kuasa penuh dalam menjalankan dan meneruskan strategi korporat dan perniagaan.

Dengan kuasa autonomi penuh ini, Bank Islam mampu menerapkan inisiatif pengurusan modal, termasuklah menumpukan kepada inisiatif ekonomi sosial yang sememangnya menjadi teras utamanya untuk memungkinkan kemunculan kembali ekonomi asas ketuhanan yang dipraktikkan pada zaman Rasulullah S.A.W.

Perkongsian rezeki daripada keuntungan halal dan berkat ini oleh Bank Islam dapat dikongsi bersama oleh masyarakat melalui sumbangan seperti zakat, infaq, sedeqah, pinjaman tanpa faedah dan cukai, terutama kepada rakyat yang memerlukan di zaman pandemik sekarang.

Hasrat Bank Islam untuk berada di kedudukan utama dalam menawarkan penyelesaian kewangan lengkap Syariah-ESG dengan menerajui perbankan digital dan kewangan sosial menjelang 2025 juga akan mudah dicapai dengan penyenaiaan ini.

Malah, ia akan menyumbang kepada proses pemulihan dan kebangkitan ekonomi Malaysia yang kita cintai.



Perbankan tanpa riba, berhijrahlah sebelum terlambat! Apa yang anda tahu mengenai moratorium? Ini penjelasannya

Penulis menerima banyak soalan asas mengenai moratorium ini dan diminta untuk memberikan pandangan dari sudut kewangan Islam. Berikut adalah 4 soalan utama yang kerap dibangkitkan dalam isu tersebut.

-Apakah moratorium dan bagaimana pandangan penulis terhadap pelaksanaan moratorium kali kedua ini?

Dari kamus Oxford, moratorium bermaksud 'pengharaman sesuatu aktiviti secara sementara'. Dalam bahasa undang-undang pula, ia ditakrifkan sebagai 'kebenaran sah kepada penghutang untuk menangguhkan pembayaran'.

Jika dipandang dari sudut kewangan, moratorium ini adalah 'pelanggan bank tidak perlu membuat pembayaran hutang mereka dalam satu jangka masa yang diperuntukkan'. Dalam erti kata lain ia boleh diibaratkan sebagai 'cuti daripada membuat pembayaran hutang'.

Ketika pelaksanaan moratorium yang pertama, pemberian moratorium adalah secara automatik. Pelanggan bank diberi pilihan untuk 'opt out', iaitu memberitahu bank bahawa mereka tidak memerlukan moratorium ini dan seterusnya terus membayar bayaran bulanan seperti biasa.

Bagi pelaksanaan kali kedua pula, pemberian moratorium adalah bukan secara automatik. Pelanggan bank diberi pilihan untuk 'opt in', iaitu memberitahu bank bahawa mereka mahu menikmati moratorium ini dan seterusnya berhenti membuat bayaran bulanan untuk suatu tempoh yang diberikan.



-Apakah kesan pelaksanaan moratorium kepada pelanggan dan juga bank apabila ia dikuatkuasakan?

Moratorium ini sebenarnya adalah arahan dari pihak kerajaan, melalui Bank Negara Malaysia (BNM) untuk bank-bank memberikan cuti pembayaran bulanan ini kepada para pelanggan bank.

Objektif utama ialah membolehkan para pelanggan yang terkesan dapat 'bernafas' dalam pengurusan kewangan mereka disebabkan kehilangan kerja atau perniagaan terpaksa dihentikan.

Akibat kejadian malang ini, mereka tidak mendapat pendapatan bulanan seperti biasa tetapi terpaksa membayar bayaran bulanan bank.

Oleh demikian, apabila mereka mendapat cuti daripada pembayaran bulanan hutang ini, sekurang-kurangnya duit yang mereka peruntukkan untuk membayar bayaran bulanan bank dapat diguna untuk membiayai keperluan harian seperti makanan, ubatan serta hutang-hutang lain yang perlu dibayar.

Arahan BNM untuk pelaksanaan moratorium ini juga memberikan imej yang baik kepada bank kerana walaupun penubuhan bank sebagai entiti perniagaan, namun, mereka juga menimbang kemaslahatan para pelanggan dengan memberikan 'cuti' ini. Harus diingat bahawa bank sebenarnya tertakluk kepada pelbagai undang-undang perakaunan antarabangsa dan pemberian moratorium ini sebenarnya membawa kesan yang agak parah kepada bank dari sudut '*modification loss*' atau kerugian pengubahsuaian

Jumlah ini adalah besar dan jika tidak dikawal selia, akan menyebabkan kestabilan sistem kewangan dalam industri kewangan negara menjadi kucar-kacir.

-Apakah yang dimaksudkan dengan keuntungan terakru dan bagaimana ia berlaku? Seperti yang diketahui pembayaran bulanan hutang kepada bank terdiri daripada dua bahagian. Satu bahagian ialah pembayaran untuk mengurangkan jumlah pembiayaan yang ditawarkan dan sebahagian lagi adalah untuk pembayaran keuntungan kepada pihak bank. Keuntungan terakru ini adalah jumlah bahagian pembayaran keuntungan kepada pihak bank.



Untuk kefahaman bersama, penulis memberikan satu situasi di mana bayaran bulanan hutang pelanggan bank adalah RM1,500 sebulan. Dalam jumlah itu, terdapat satu bahagian, contohnya, RM1,100 adalah bahagian untuk pembayaran pengurangan jumlah pembiayaan manakala RM400 adalah pembayaran keuntungan bank. Oleh demikian, jumlah RM400 ini adalah keuntungan terakru yang dimaksudkan.

Jika pelanggan bank memilih moratorium, maka keuntungan terakru ini tidak diterima oleh bank pada bulan tersebut dan seterusnya ia akan menyebabkan bank tidak dapat merealisasikan keuntungan.

Oleh itu, pihak bank akan dibebani dengan isu modification loss sepertimana yang dimaklumkan sebelum ini.

-Adakah moratorium merupakan penyelesaian kepada masalah B40 dan M40? Penulis merasakan pelaksanaan moratorium ini adalah bersifat sementara untuk memberi nafas kepada pelanggan bank yang terkesan dengan pandemik ini untuk menguruskan aliran tunai mereka.

Wang itu diharapkan dapat digunakan dengan bijak sekurang-kurangnya untuk membeli barang keperluan sepanjang tempoh moratorium ini.

Jadi, moratorium bukanlah satu penyelesaian kepada B40 dan M40. Ia sekadar bantuan pernafasan tunai kepada para pelanggan bank.

Mereka seharusnya menggunakan moratorium ini sebaik-baiknya untuk menampung keperluan harian serta berfikir untuk membina strategi meneruskan kehidupan apabila moratorium tamat.



Mencari simpanan terbaik demi pendidikan anak-anak

SETIAP ibu bapa pasti mempunyai impian untuk melihat anak-anak mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Sehubungan itu, ibu bapa yang bijak akan berusaha mencari produk terbaik untuk menyimpan wang demi masa depan anak-anak mereka.

Kepada yang celik maklumat, mereka tahu mengenai manfaat yang boleh diperoleh menerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Ini kerana bagi merealisasikan hasrat ibu bapa yang mahu simpanan mereka diuruskan demi masa depan pendidikan anak-anak, PTPTN mengambil inisiatif memperkenalkan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang patuh syariah.

Simpan SSPN Plus

Usaha murni PTPTN dalam membangunkan produk simpanan beserta perlindungan, Simpan SSPN Plus, telah membuka mata ramai ibu bapa untuk menabung dalam produk yang 100% patuh syariah ini. Apa tidaknya, apabila mereka menyimpan dalam Simpan SSPN Plus, mereka secara langsung mendapat perlindungan dan manfaat takaful. Tema 'Simpan dan Lindung' adalah tepat untuk menerangkan ciri-ciri Simpan SSPN Plus. Penabungan seperti ini amat murni terutama apabila ibu bapa dikira sebagai telah menjalankan tanggungjawab yang berlandaskan galakan Islam terhadap ahli keluarga mereka.

Untuk makluman, Simpan SSPN Plus, adalah produk simpanan berkembar dengan produk takaful yang terhebat dalam industri kerana ia terbukti memberi pulangan terbaik kepada ibu bapa dan anak-anak mereka dari segi kemudahan, pulangan dan manfaat.

Manfaat

Antara kelebihanannya, termasuklah pendeposit dan anak-anak mereka akan mendapat manfaat khariat kematian sehingga RM18,000, simpanan dijamin oleh kerajaan dan anak-anak pendeposit layak memohon pinjaman tanpa faedah dari PTPTN.

Sementara itu, setiap tahun PTPTN akan mengagihkan dividen yang jika dibandingkan dengan kadar pulangan akaun simpanan lain dalam industri, kadar dividen Simpan SSPN Plus adalah amat kompetitif. Dividen ini juga adalah halal kerana Jabatan Pelaburan PTPTN membuat pelaburan menerusi saluran yang memenuhi kehendak syariah. Tambahan pula, ibu bapa diberi pelepasan cukai sehingga RM12,000 dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Sepanjang pengetahuan penulis, sehingga ke hari ini, masih tidak ada mana-mana produk simpanan dalam industri yang memberi pelepasan cukai setinggi itu. Pada masa sama, dengan adanya tambahan perlindungan takaful beserta produk Simpan SSPN Plus, maka anak-anak pendeposit akan mendapat perlindungan takaful sehingga RM1 juta bergantung kepada pakej yang ditawarkan seperti Intan, Delima, Topas, Zamrud, Nilam dan Berlian.

Dengan caruman serendah RM30, anak-anak mereka dilindungi dengan takaful.

-Cabutan bertuah

Ibu bapa juga berpeluang memenangi pelbagai hadiah istimewa dalam cabutan bertuah Simpan SSPN Plus ini dengan setiap deposit RM50 ke dalam akaun. Cabutan bertuah ini adalah patuh syariah dan tidak melanggar mana-mana kehendak syariah.

Untuk makluman, cabutan bertuah yang tidak dibenarkan syariat adalah berbentuk 'kena bayar untuk memasuki peraduan cabutan bertuah'. Dalam Simpan SSPN Plus ini, tidak ada bayaran atau yuran dikenakan apabila pendeposit memasuki peraduan cabutan bertuah ini.

Simpan lebih RM50, maka pendeposit layak untuk memasuki cabutan bertuah. Dalam erti kata lain, ia adalah percuma. Oleh demikian, cabutan bertuah ini adalah dibenarkan.

-Patuh syariah

Simpan SSPN Plus yang menggunakan kontrak Islam wakalah bil istithmar (urus untuk pelaburan) adalah produk PTPTN diolah khas untuk menjayakan hasrat ibu bapa memberi peluang pembelajaran anak-anak mereka di mana-mana universiti atau kolej di Malaysia.

Penulis difahamkan dan pasti tidak ada produk-produk lain yang patuh syariah dan menawarkan manfaat sebegini rupa dalam industri buat masa ini. Jika ada pun, mungkin ia merupakan produk pelaburan yang pelbagai guna dan bukan produk yang fokus



Kaedah saringan saham berbeza, kepatuhan tetap sama

DI MALAYSIA, kaedah saringan saham patuh syariah berada di bawah Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Berbeza dengan pasaran global, terdapat beberapa institusi indeks seperti *Dow Jones Islamic Indexes*, *FTSE Shariah Global Equity Index Series* dan *MSCI Islamic Index Series*, yang mempunyai kaedah saringan saham patuh syariah mereka.


Perbincangan tentang kaedah saringan ini penting kepada pengurus-pengurus dana dalam industri kewangan Islam kerana ia menjadi agenda utama dalam operasi harian mereka untuk memastikan dana-dana patuh syariah dapat distrategi dan dilaburkan bagi mendapat keuntungan setinggi mungkin.

Sehubungan itu, penulis telah menjalankan kajian bagi menganalisis usaha ke arah penyeragaman kaedah saringan saham di SC dan institusi indeks global ini. Ini kerana isunya, status saham patuh syariah yang tidak konsisten di antara institusi indeks telah menimbulkan kekeliruan para pemain industri untuk memilih saham.

Kaedah saringan saham yang berbeza antara institusi indeks menyebabkan status patuh syariah sesuatu saham itu tidak seragam di pasaran.

Isu ini telah lama dipersoalkan. Dalam masa 5 tahun penulis mengkaji dan mengenal pasti cadangan-cadangan ke arah penyeragaman kaedah saringan yang digunakan SC dan institusi indeks global.

Penulis menggunakan kaedah kualitatif kerana isu ini berkait rapat dengan fenomena baharu yang memerlukan pencungkilan maklumat tentang kaedah saringan saham patuh syariah daripada para pakar dalam industri kewangan Islam yang mempunyai akses kepada maklumat yang lebih jelas dan terperinci.




Sebanyak 9 pakar yang diiktiraf termasuklah Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Wan Abdul Rahim Kamil Wan Mohamed Ali, Prof. Madya Dr. Aznan Hasan, Norfadelizan Abdul Rahman dan Jalil Rasheed serta pakar dalam bidang saham patuh syariah, telah ditemu bual sebagai responden.

Hasilnya, penulis mendapati kaedah saringan yang digunakan oleh institusi indeks adalah konsisten di antara satu sama lain. Mereka menggunakan tapisan sektoral, aktiviti syarikat dan nisbah kewangan.

Malah, penulis juga mendapati bahawa tujuan saringan sebenarnya adalah untuk mencapai matlamat yang berbeza, namun ia masih mencapai kepatuhan syariah saham dalam pelbagai negara di pasaran dunia.

Oleh demikian, penulis merumuskan pengharmonian pendapat syariah dengan menyemai lebih banyak persamaan ijtihad antara penasihat syariah dapat membuat para pemain industri mengakui hakikat bahawa perbezaan kaedah saringan sebenarnya membawa kepada lebih banyak kebaikan berbanding kemudaratan.

Hasil kajian ini menghasilkan impak yang positif kepada pelbagai sektor dalam industri untuk memastikan kesinambungan perkembangan kewangan Islam agar tidak terbantut dengan isu ketidakteraturan kaedah saringan saham patuh syariah yang dibangkitkan.



Mengapa kewangan sosial penting ketika pasca pandemik?

Krisis pandemik COVID-19 telah mempengaruhi sektor kewangan di seluruh dunia, termasuklah industri kewangan Islam.

Malah, institusi kewangan Islam menghabiskan sebahagian besar tahun lalu untuk mengatasi dua kejutan iaitu menyesuaikan diri dengan pandemik ini dan harga minyak yang rendah.

Hakikatnya, kewangan Islam dilihat mampu memberikan tindak balas positif terhadap kesan wabak tersebut dalam memastikan kelangsungan dalam ekonomi dunia.

Persoalannya sekarang, bagaimana kewangan Islam dapat membantu negara dalam memakmurkan ekonomi pasca pandemik? Seperti yang kita tahu, pandemik ini telah menyebabkan ekonomi global semakin goyah.

-Peranan kewangan Islam

Dalam usaha mengembalikan ekonomi negara ke landasan yang baik, kewangan Islam juga mempunyai peranan penting.

Ini kerana kewangan Islam adalah satu-satunya institusi dari sudut pengstrukturannya yang mampu mempunyai daya tahan kepada krisis ekonomi.

Pada penulis, untuk kewangan Islam membantu memulihkan ekonomi negara, mereka perlu terlebih dahulu menangani 2 cabaran utama yang hingga kini, masih belum terlaksana:

1. Mengiktiraf dan mengesahkan kewujudan kewangan Islam dalam sistem kewangan global.
2. Penyertaan aktif untuk mengembalikan kekuatan ekonomi dengan menggunakan segala kekuatan dan usaha yang sedia ada.



Untuk makluman, sistem kewangan Islam terdiri daripada perbankan, takaful, pasaran modal dan pengurusan kekayaan.

Ia tidak terhad kepada perbankan Islam atau takaful sahaja, sebaliknya merangkumi institusi-institusi lain seperti zakat, wakaf dan sadaqah (sedekah).

Penulis melihat institusi-institusi ini perlu bertindak segera dengan meletakkan institusi mereka dan mengambil peranan dalam sistem kewangan Islam.

Langkah seterusnya adalah memainkan peranan sebagai pemain utama dalam menyediakan pilihan produk dan perkhidmatan yang lebih baik agar pasaran serta ekonomi dapat berkembang semula.

-Pertumbuhan kewangan sosial

Sejarah telah membuktikan bahawa kebangkitan semula tamadun ekonomi Islam mampu dicetuskan oleh pertumbuhan kewangan sosial seperti zakat, wakaf dan sadaqah.

Mengambil contoh inisiatif murni Bank Islam yang telah mengilhamkan penubuhan Sadaqa House, di mana mereka menyediakan perkhidmatan untuk mengumpulkan, mengurus dan mengagihkan sumbangan dari orang ramai.

Sumbangan tersebut disalurkan kepada projek-projek amal yang dikenal pasti, termasuklah bidang kesihatan, persekitaran, pendidikan dan pemeraksanaan masyarakat, terutama kepada ahli komuniti yang tidak berpeluang menikmati perkhidmatan perbankan.

Oleh demikian, penulis merasakan tempoh pandemik ini sebenarnya telah membuka peluang kepada para pemikir kewangan Islam untuk berusaha memperbaiki, memodenkan, memperkemas, merombak dan menaik taraf strategi serta perancangan untuk memberi impak positif di pasca pandemik nanti, dengan tumpuan kepada sektor kewangan sosial.

Penulis percaya tumpuan kepada kewangan sosial adalah satu daripada jawapan untuk menangani krisis ekonomi pasca pandemik.



Kenal pasti 'wang haram' daripada saham tidak patuh syariah

MINGGU lalu penulis ada menyatakan bahawa pengisytiharan status saham patuh syariah akan diwartakan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SACSC) pada Jumaat, 26 November ini. Hasil daripada pengisytiharan ini akan terbitlah saham-saham yang dahulunya diklasifikasi sebagai patuh syariah akan bertukar status kepada sekuriti tidak patuh syariah.

Sebagai pelabur, maka seharusnya mereka akan melupuskan saham-saham tersebut daripada portfolio pelaburan saham yang dipegang.

Timbul persoalan pula bagaimana para pelabur dapat mengasingkan dividen yang boleh terima dan tidak boleh terima, hasil daripada pelupusan saham yang baru sahaja bertukar status kepada tidak patuh syariah.

Seterusnya, terbit pula soalan iringan tentang apa yang perlu dibuat dengan dividen yang tidak boleh terima itu.

Jadi, minggu ini penulis kongsi prosedur yang boleh dilaksanakan oleh para pelabur jika mereka berdepan keadaan sedemikian.

Sebagai contoh, Syarikat ABC Bhd. telah dinyahsenarai daripada senarai saham patuh syariah pada 26 November 2021. Kos pembelian 100 lot sahamnya adalah sebanyak RM200,000. Ini bermakna harga 1 lot ialah RM2,000.

Pada hari pengumuman status sekuriti, harga 1 lot telah mencecah RM2,300. Seterusnya, pengurus dana berjaya melupuskan keseluruhan 100 lot sekuriti tersebut pada 30 November 2021 pada harga RM2,700 untuk 1 lot.

Jumlah keuntungan yang terhasil daripada pelupusan 100 lot saham Syarikat ABC Bhd. pada 30 November 2021 pula adalah sebanyak RM70,000 (iaitu RM270,000 – RM200,000).

Jumlah keuntungan yang terhasil jika pelupusan dibuat pada hari pengisytiharan status dibuat adalah sebanyak RM30,000 (iaitu RM230,000 – RM200,000).

Menurut panduan SACSC, pengurus dana hanya dibenarkan menyimpan RM30,000 keuntungan itu sahaja, manakala RM40,000 (RM70,000 – RM30,000) wajib disalurkan kepada Baitulmal atau mana-mana badan kebajikan yang diluluskan oleh penasihat syariah dana tersebut.

Keuntungan yang boleh diambil adalah RM30,000 dan keuntungan yang tidak boleh diambil adalah RM40,000.

Jumlah RM40,000 ini adalah yang disebut sebagai wang syubhah yang juga dikenali sebagai wang tidak patuh syariah atau wang haram.

Wang syubhah ini perlu disalurkan kepada Baitulmal untuk dibersihkan dan kemudiannya dipulangkan kepada masyarakat.

Prosedur pengendalian wang syubhah oleh pengurus-pengurus dana harus diberitahu kepada para pelabur di luar sana, terutama yang beragama Islam.

Ini amat penting untuk menyakinkan mereka bahawa pengurusan dana yang dilaksanakan adalah 100% patuh syariah, meskipun berlaku penukaran status saham apabila disaring oleh SACSC seperti yang berlaku pada 26 November 2021 nanti.



Apakah kaitan OPR kepada kemudahan pembiayaan Islam?

Apabila soal ekonomi yang berkait dengan institusi kewangan dibincang, antara persoalan yang sering dibangkitkan adalah kesan kadar dasar semalaman atau dikenali sebagai *overnight policy rate* (OPR) terhadap bayaran ansuran pembiayaan para pelanggan institusi kewangan.

Terdapat beberapa persoalan yang harus dijawab penulis. Apakah OPR? Adakah Kadar Asas (*Base Rate – BR*), Kadar Pembiayaan Asas (*Base Financing Rate – BFR*) dan Kadar Pinjaman Asas (*Base Lending Rate – BLR*) dikawal oleh Bank Negara Malaysia (BNM)? Bagaimanakah impak turun naik OPR memberi kesan kepada pihak institusi kewangan sehinggakan ianya membawa kepada perubahan kepada bayaran ansuran pihak pelanggan?


Maksud OPR

Untuk makluman, OPR ini ialah kadar faedah atau keuntungan semalaman yang dikenakan ke atas pinjaman /pembiayaan wang antara institusi kewangan. Ia adalah satu mekanisme dasar monetari negara.

Dasar monetari adalah dasar ekonomi yang menguruskan kadar pertumbuhan penawaran tunai dalam ekonomi.

BR, BFR dan BLR sebenarnya tidak dikawal oleh BNM. Pihak institusi itu sendiri yang mengawalinya.

Kebiasaannya, untuk sesebuah institusi kewangan menentukan BLR atau BFR atau BR, ia akan berdasarkan kepada kos dana dalaman (*internal cost of fund*).



Internal cost of fund ini adalah kos yang ditanggung oleh pihak institusi kewangan untuk meminjam/menjana dana/wang yang akan mereka diguna untuk membiaya para pelanggan mereka yang mengambil kemudahan kredit seperti pembiayaan dan pinjaman. Inilah OPR.

Kenaikan dan penurunan OPR

OPR ditentukan oleh BNM. Sekarang ini OPR adalah 1.75% setahun. Tujuan OPR ini adalah untuk BNM mengawalselia pergerakan tunai di dalam ekonomi negara.

Kalau OPR tinggi, ia akan menarik orang ramai menyimpan wang di institusi kewangan kerana pulangan kepada simpanan mereka akan tinggi.


Walaupun begitu, aktiviti pembiayaan dan pinjaman pula menjadi kurang kerana kadar keuntungan atau kadar faedah akan menjadi tinggi.

Sekiranya OPR rendah, pertumbuhan aktiviti pembiayaan dan pinjaman akan menjadi aktif. Ramai pelanggan akan mendapatkan kemudahan pembiayaan atau pinjaman kerana kadar keuntungan atau kadar faedah juga akan berkurang.

Para pelanggan juga akan mula mengeluarkan wang simpanan mereka kerana pulangan kepada simpanan mereka juga akan menurun.

BLR dan BFR dan BR sememangnya sangat-sangat bergantung kepada OPR. Ini kerana OPR adalah kadar bunga atau kadar keuntungan antara institusi kewangan dalam money market atau Islamic money market yang menentukan internal cost of fund institusi kewangan.

Secara santai, apabila OPR dinaikkan, maka kebiasaannya BLR dan BFR dan BR juga akan menokok naik. Ketika OPR diturunkan oleh BNM, maka BLR, BFR, BR pun akan turut sama menurun.



Kesan kenaikan dan penurunan OPR

Penulis merumuskan bahawa kesan kepada kemudahan pinjaman institusi konvensional adalah secara langsung kerana kemudahan pinjaman mereka bergantung penuh kepada BLR dan BR.

Bagi perbankan Islam pula ia bergantung kepada jenis kadar keuntungan yang diaplikasi oleh institusi kewangan tersebut.

Kepada pembiayaan yang menggunakan kadar keuntungan jenis fixed rate, maka kenaikan atau penurunan OPR tidak memberikan kesan. Ini kerana kadar keuntungan adalah tetap dan tidak akan berubah.


Untuk pembiayaan yang menggunakan kadar keuntungan jenis floating rate, kenaikan dan penurunan OPR akan memberikan kesan yang minimum.

Tetapi kesannya tidaklah sangat dirasai kerana kenaikan dan penurunan BR tidak akan melebihi kadar ceiling rate yang telah dimeterai dalam perjanjian.

Jadi jika BR sudah melebihi ceiling rate, kenaikan OPR yang membuatkan kadar BR juga naik, tidak lagi berkesan.

Kepada institusi kewangan yang menggunakan kadar keuntungan jenis sewaan pula, seperti penggunaan konsep Musyarakah Mutanaqissah atau Ijarah Muntahiya Bit Tamleek, kesan kenaikan dan penurunan OPR ini adalah secara langsung sepertimana kemudahan pinjaman di institusi kewangan konvensional.

Maknanya apabila OPR naik, maka kadar keuntungan bank pun akan turut menokok naik. Penurunan OPR akan menurunkan kadar keuntungan institusi kewangan itu juga.



'Dah pergi Mekah, berbaloikah saya menyimpan di Tabung Haji?'

Soalan: "Saya telah menunaikan fardu haji. Oleh demikian, kalau kita sudah menunaikan ibadah haji apakah berbaloi jika kita terus menyimpan di Lembaga Tabung Haji atau mula menyimpan di tempat lain. Ini kerana tujuan simpanan di Tabung Haji adalah untuk menunaikan ibadah haji sahaja. Lagipun, saya merasakan saya akan mendapat pulangan yang lebih tinggi hasil pelaburan di tempat lain. Terima kasih."

Soalan di atas adalah antara soalan yang lazim dikemukakan kepada penulis. Penulis sememangnya bersetuju dengan pandangan dilontarkan dan sesungguhnya keputusan untuk melabur atau menyimpan wang di mana-mana pusat pelaburan adalah milik si pelabur.

Pada penulis, sekiranya rukun Islam kelima telah terlaksana, maka kita berhak untuk memastikan segala pelaburan atau simpanan wang kita sentiasa berada dalam akaun-akaun patuh syariah.

Kita boleh sahaja menyimpan di bank-bank Islam atau membuat pelaburan dana unit amanah yang juga memenuhi keperluan Islam.

Namun, para penyimpan boleh juga terus meletakkan wang mereka di Tabung Haji. Jika kita lihat potensi dividen yang diberikan Tabung Haji, pulangan atau dividennya adalah agak lumayan dan setanding dengan pulangan simpanan-simpanan patuh syariah yang lain.

Seperkara yang amat dekat di hati penulis adalah simpanan para penyimpan Tabung Haji akan digunakan untuk membantu para jemaah lain menunaikan fardu haji melalui 'muassasah'.



TABUNG HAJI

حي على الفلاح

Ia berbentuk subsidi. Menunaikan haji adalah satu ibadat yang penuh dengan pahala. Apatah lagi jika penyimpan Tabung Haji, yang telah pun menunaikan haji, tetapi wang mereka digunakan untuk membantu para jemaah baharu mengerjakan ibadah ini.

Pahala haji akan terus mengalir kepada para penyimpan yang terus menyimpan dengan Tabung Haji.

Penulis adalah penyimpan tegar di Tabung Haji. Pada penulis dengan menyimpan sebegini, ia adalah salah satu cara yang membolehkan penulis mengumpul pahala untuk dijadikan bekalan di alam yang satu lagi itu.

Ia adalah pulangan istimewa yang penulis amat harapkan hasil daripada 'pelaburan' wang simpanan di Tabung Haji, walaupun sudah menunaikan rukun Islam kelima ini. -
DagangNews.com



TABUNG HAJI

حي على الفلاح

Menjadikan aktiviti kewangan sosial lebih adil

Dalam iklim dunia perniagaan masa kini, terdapat organisasi yang berniaga untuk mengaut keuntungan maksimum dan ada juga mengambil jalan tengah dengan mengimbangkan antara keuntungan dan kebajikan masyarakat sekeliling.

Terdapat banyak cara baharu bagi organisasi untuk menjalankan perniagaan organisasi mereka sehinggakan kini terbit satu terma yang sering diperkatakan - kewangan sosial.

Malah, beberapa pengkaji mendapati keperluan untuk memaksimumkan keuntungan bagi sesuatu organisasi termasuklah institusi kewangan sosial telah mengalami tren menurun.

Dari sudut ekonomi, institusi kewangan sosial sebenarnya bertindak sebagai perantara kewangan dengan menghubungkan penawaran dan permintaan modal kepada pemain-pemain yang tidak formal.

Permintaan dua pihak sebegini akan mengumpulkan dana dari pelabur atau penyedia dana dan seterusnya mengagihkan dana terkumpul kembali ke mana-mana perusahaan sosial yang bakal memanfaatkan masyarakat secara keseluruhan.

Konsep kewangan sosial adalah untuk menyediakan kemudahan kewangan seperti pembiayaan tunai mahupun pembiayaan pemilikan aset untuk rakyat yang tidak layak (kurang layak) mendapat kemudahan kewangan kerana faktor keupayaan kredit mereka terbatas.

Ini termasuk golongan miskin dan bekerja sendiri untuk keperluan kehidupan seharian mereka.

Kewangan sosial mampu memberi mereka kemudahan kredit formal yang mudah, syarat minimum untuk membuka akaun perbankan ataupun pembiayaan dan kemudahan akses kewangan yang baik.

-Apakah makna kewangan sosial Islam?

Kewangan sosial Islam sebenarnya adalah aktiviti-aktiviti kewangan sosial biasa yang dilaksanakan dalam ekonomi berdasarkan kepada kehendak syariah.

Kehendak syariah pula bersumberkan kepada Al-Quran, sunnah, ijma' dan qiyas. Apa-apa sahaja elemen yang dilarang syariah dalam aktiviti kewangan adalah dilarang seperti aktiviti kewangan yang berasaskan kepada riba, judi dan tidak pasti.

Objektif utama kewangan sosial Islam bukan sahaja memberi tumpuan kepada komuniti yang kurang mendapat kemudahan kewangan tetapi ia juga mempunyai agenda menjadikan aktiviti kewangan sosial biasa ini lebih adil bagi semua orang dengan menerapkan prinsip syariah yang beretika dan bermoral.

Dalam erti kata lain, kewangan sosial biasa tidak mewajibkan aktiviti kewangan sosial mereka mematuhi syariah, tetapi untuk kewangan sosial Islam mematuhi kehendak syariah adalah satu kemestian.

Kewangan sosial Islam dikawal oleh parameter syariah yang memastikan aktiviti kewangan yang dilaksana untuk mencapai maqasid (objektif) syariah dengan menyediakan perlindungan kepada keimanan, kehidupan, akal fikiran, keturunan dan harta setiap rakyat dalam ekonomi tidak kira sama ada Islam atau bukan.

Dengan perkembangan teknologi kewangan (*FinTech*), kini kewangan sosial Islam dilihat memerlukan tafsiran syariah yang baharu untuk bermuamalat seiring dengan kecanggihan teknologi maklumat.

Kaedah-kaedah baharu seperti mengenal pasti peluang sektor-sektor baharu untuk dikembangkan seperti waqaf dan zakat perlu dijadikan agenda utama.

-Kewangan sosial yang berteknologi

Ini kerana sejarah membuktikan kewangan sosial mampu mengembalikan tamadun ekonomi Islam yang gemilang.

Apakah kita bersedia untuk menerima cabaran kewangan sosial Islam yang berteknologi ini?

Penulis merasakan ia tidak mustahil untuk dilaksana dengan memperhebatkan usaha pendidikan serta kempen kesedaran.

Generasi baharu kini terutama golongan muda dalam generasi milenium, akan dengan mudah bersedia untuk memahami, mengamal, merangkul dan menyokong penggunaan kewangan sosial Islam yang berteknologi ini.

Penulis percaya bahawa kewangan sosial Islam akan menerajui masa depan kewangan pada masa akan datang.

Kewangan sosial Islam akan terus didorong oleh inovasi dalam produk dan perkhidmatan, model perniagaan dan teknologi bagi memenuhi permintaan sektor yang masih tidak mampu diberikan kemudahan kewangan secara formal.



Pemikiran syariah perlu seiring peredaran teknologi

SEIRING kemajuan teknologi maklumat, kini, transaksi perbankan dalam sistem kewangan negara bertambah maju, pantas dan mudah. Perkataan 'FinTech' atau financial technology (teknologi kewangan) pula kian dikenali ramai.

Malah, Bank Negara Malaysia (BNM) juga sudah mula melebarkan sayap dengan menjadikan FinTech satu objektif utama dalam usaha memacu keberkesanan transaksi perbankan dalam sistem kewangan.

FinTech, secara mudah ialah industri ekonomi terdiri daripada syarikat-syarikat yang menggunakan teknologi untuk menjadikan perkhidmatan kewangan lebih cekap.

Oleh itu, teknologi maklumat secara khususnya sudah menjadi satu perkara penting dalam kegiatan inovasi kewangan Islam.

Perubahan dalam teknologi ini akan menjana minat kepada kepantasan pemikiran pelbagai bidang untuk mengejar keghairahan peredaran teknologi ini.

Ia termasuklah pemikiran syariah untuk memastikan sebarang transaksi dalam perbankan Islam bertepatan dengan kehendak syariah, iaitu undang-undang Islam.

-Mengejar perubahan teknologi

Dunia tanpa mengira zaman dan teknologi bertukar ubah. Adakah syariah juga perlu berubah untuk mengejar peredaran zaman dan perubahan teknologi ini?

Syariah adalah set undang-undang Islam yang menggariskan sempadan antara 'yang boleh buat' dan 'yang tidak boleh buat'.



Namun, ia mempunyai kelonggaran hukum apabila terhasil sesuatu perkara yang berubah disebabkan perubahan zaman atau peredaran teknologi.

FinTech adalah sesuatu perkara baharu hasil daripada berubahnya zaman dan peredaran pantas teknologi.

Untuk memaksimumkan manfaat hasil daripada pembangunan *FinTech* ini, ia memerlukan inovasi hebat bukan sahaja dari segi teknologi maklumat, tetapi pemikiran syariah yang sepadan dan menepati permintaan proses aplikasi perbankan, dalam 'alam maya' yang pesat digunapakai orang ramai ketika ini.

Kalau dahulu manusia berkenderaaan unta, kini kereta dan kapal terbang telah menjadi mesin tunggangan manusia untuk bergerak.

Malah pergerakan dari satu tempat ke tempat yang lain menjadi lebih pantas dan selesa. Mungkin nanti akan berlaku situasi di mana jasad kita juga boleh di'talian'kan dari satu tempat ke satu tempat yang lain dalam beberapa saat atau minit.

Ini semua adalah peredaran teknologi yang telah, sedang dan yang mungkin akan berlaku.

-Merencanakan transaksi sistem kewangan

Pada hemat penulis, pemikiran syariah juga seharusnya seiring dengan peredaran teknologi. Segala teknologi baharu wajib digunakan untuk kemudahan manusia tanpa mencacatkan kehendak syariat.

Perlu diingat bahawa, walaupun syariah adalah fleksibel dan akomodatif kepada perubahan zaman dan peredaran teknologi, namun yang haram tetap haram dan yang halal tetap halal.



Di antara yang haram dan halal, ada ruang untuk 'ijtihad' oleh pakar-pakar, cendekiawan dan para ulamak. Hukum-hukum ini akan berbeza antara satu tempat dan tempat yang lain. Dari satu zaman ke zaman yang lain dan ia juga harus seiring dengan peredaran teknologi dalam perubahan zaman.

Saranan BNM untuk ke arah *FinTech* akan terus memakmurkan dan merancakkan transaksi sistem kewangan negara.

Maka, pemikiran syariah juga semestinya bergerak pantas untuk memelihara kesejahteraan kewangan Islam dalam struktur kewangan negara yang kita cintai demi mencapai maqasid al syariah.

B



Kehendak syariah bukan penghalang usaha seragamkan kaedah saringan saham

LANJUTAN daripada penulisan minggu lalu, penulis ada menerangkan tentang perbezaan kaedah saringan saham patuh syariah yang diaplikasi oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), *Dow Jones Islamic Index (DJII)*, *FTSE Islamik (FTSE)* dan MSCI. Perbezaan kaedah ini menyebabkan status patuh syariah saham menjadi tidak konsisten.

Dari pandangan para penasihat syariah, mereka boleh menerima perbezaan kaedah yang digunakan dalam sesuatu kaedah saringan saham patuh syariah berdasarkan kepada proses mengubah pendekatan pandangan dari sudut ijtihad.

Mereka menerima perubahan dalam ijtihad apabila berlaku perubahan dalam teknologi, perubahan sistem ekonomi dan juga penerimaan perubahan dalam adat sesuatu negara selagi ia tidak melanggar batasan syariah.

Baca: Kaedah saringan saham berbeza, kepatuhan tetap sama

Ini termasuk kaedah saringan saham patuh syariah yang digunapakai oleh SC, DJII, FTSE dan MSCI yang mana, penetapan kaedah saringan yang dilakukan oleh jawatankuasa syariah mereka adalah berdasarkan kepada situasi setempat, keperluan semasa dan kesepadanan permintaan daripada pelabur untuk mencari saham patuh syariah yang berkualiti.

Perubahan pendekatan dari sudut ijtihad ini mampu membantu perkembangan instrumen kewangan Islam dalam ekonomi.

Perubahan pendekatan dari sudut ijtihad ini menjurus kepada keputusan Majlis Penasihat Syariah SC dan para jawatankuasa penasihat Syariah DJII, FTSE dan MSCI memilih formula untuk nisbah-nisbah kewangan dalam kaedah saringan saham patuh syariah mereka.

Penggunaan jumlah aset (untuk SC dan FTSE), 36 bulan purata topi pasaran (untuk MSCI) dan nilai ekuiti pasaran (untuk DJII) sebagai denominator nisbah kewangan adalah contoh kepada ijtihad yang telah diputuskan oleh jawatankuasa penasihat syariah masing-masing.



Kelainan denominator nisbah kewangan ini adalah bertujuan untuk menepati permintaan ekonomi serta menyaingi adat, budaya dan situasi sesebuah negara untuk mendapatkan saham-saham berkualiti yang patuh syariah.

Dalam usaha untuk menyeragamkan kaedah saringan saham ini, penulis merumuskan sebenarnya kehendak syariah dalam muamalat bukan penghalang, namun, ia bersifat sejagat (*universal*), menampung (*accomodative*) serta bersifat membina kepada keperluan ekonomi setempat yang mempunyai latar belakang serta adat budaya dan sistem ekonomi yang berbeza.

Malah, ia bukannya bersifat tidak boleh ubah (*qat'i*) tetapi bersifat boleh berubah (*zanni*) untuk membangunkan ekonomi seluruh dunia, walau di mana sahaja negara, tempat, masa dan keadaan.

Perbezaan kaedah saringan saham patuh syariah ini telah membuka peluang inovasi instrumen kewangan Islam dan seterusnya berjaya menarik minat pelabur untuk melabur dalam saham-saham patuh syariah yang diapung dalam bursa-bursa seluruh dunia.



Kerana 'nila setitik' dalam kewangan Islam

Kenapakah masih ada pengguna produk dan perkhidmatan kewangan Islam yang marah dan kecewa dengan pelaksanaan sistem kewangan Islam di institusi-institusi kewangan Islam, walaupun ia mendatangkan banyak manfaat kepada mereka? Inilah satu persoalan yang masih menghantui para sarjana dalam industri kewangan Islam.

Penulis tidak menafikan bahawa masih ramai pengguna perbankan Islam yang masih tidak selesa dan ada di antara mereka merasa kecewa dengan cara institusi-institusi kewangan menawarkan produk kewangan Islam dan perkhidmatan serta melayan para pengguna mereka.

Isu muram ini timbul sehinggakan ada dalam kalangan pengguna sanggup menuduh perbankan Islam itu sendiri yang tidak Islamik.

Malah penulis ada menerima ungkapan seperti "... lebih 'kafir' dari yang kafir ...". Astagfirullah.

-Salah siapa?

Ingin penulis tegaskan bahawa sebenarnya segala aturcara dan produk kewangan Islam yang dilaksana dalam industri kewangan negara adalah sudah patuh syariah, tanpa ragu-ragu. Sudah Islamik 100% pun.

Produk dan perkhidmatan ini telah disahkan oleh jabatan syariah bank, komuniti syariah bank yang bebas dan seterusnya Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia (BNM).

Tiga lapisan saringan telah dilakukan sebelum produk dan perkhidmatan dibenar untuk ditawarkan oleh institusi kewangan kepada para pengguna.

Bagi penulis, salah satu faktor yang menimbulkan isu malang sedemikian dan seterusnya menjejaskan nama baik kewangan Islam ini, ialah kerana masih ada kegagalan di pihak institusi-institusi kewangan itu sendiri melaksanakan aturcara dan produk yang ditawarkan sepertimana digariskan oleh prosedur operasi standard (SOP) dan manual pengoperasian yang ditetapkan.



Kedegilan beberapa '*person-in-charge*' (PIC) untuk menurut SOP dan manual yang telah disahkan oleh pihak komuniti syariah institusi-institusi kewangan itu sendiri yang mencetuskan masalah ini.

Nila setitik dua inilah yang sebenarnya telah merosakkan susu sebelanga dalam industri kewangan Islam.

Disebabkan mereka, keseluruhan sistem kewangan Islam telah tercalit dengan isu ini.

-Jadi lebih bertanggungjawab

Ingatlah, bahawa, para pengguna di luar sana tidak mahir dan kurang faham tentang aturcara dan produk kewangan Islam.

Yang mereka tahu, produk dan kewangan Islam mestilah '*perfect*', tidak ada cacat cela dan mendatangkan manfaat kepada mereka.

Maka, para pegawai institusi kewangan Islam haruslah merasa bangga dan faham hasrat para pengguna ini.

Jadilah 'galah untuk menjolok buah cempedak yang di luar pagar' itu agar 'budak yg baru belajar' faham dan menghargai ketelusan kewangan Islam.

Pengguna-pengguna yang tidak puas hati biasanya akan memberikan komentar jika produk itu menekan mereka walaupun sebenarnya produk tersebut tidak pernah menekan pengguna.

Kes-kes rumah terbengkalai, produk Islam mahal, tuntutan bank yg keterlaluan, jika pengguna gagal bayar bayaran bulanan adalah antara isu isu panas.

Sebenarnya semua isu sebegini sudah pun ada penyelesaiannya untuk dijelaskan kepada pelanggan yang terlibat.

Namun, mungkin ada pengendali dalam institusi kewangan masih tidak fasih atau tersengaja tidak ambil peduli untuk menerangkan kepada pengguna jawapan yg telah tersedia kepada isu-isu tersebut.



Pihak BNM, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (AIBIM) dan Persatuan Takaful Malaysia (MTA) menggembleng mempelbagai usaha untuk memastikan aturcara dan produk kewangan Islam dilakukan mengikut prosedur yang telah ditetapkan, namun ada sebilangan pihak tertentu masih gagal untuk ambil kisah tentang perkara ini.

Penulis merayu dan menyarankan kepada para pegawai institusi kewangan Islam dalam industri agar mereka sedar bahawa sebagai ejen dan dae industri kewangan Islam, rasa tanggungjawab sosial perlu tersemat di sanubari mereka.

Mohon agar mereka sama-sama berusaha untuk mendapatkan latihan dalam meningkatkan kompetensi diri serta fasih dalam aturcara kewangan Islam agar mereka dapat memberi khidmat dan penerangan terbaik kepada para pengguna.

Pengguna yang gembira akan terus memilih untuk setia dengan institusi kewangan mereka.

Bila pengguna-pengguna gembira, nama institusi kewangan kita juga akan disebut-sebut dan dipuji.

Bila nama semua institusi kewangan Islam dipuji maka industri kewangan Islam kita akan harum di persada negara. Pahala dicipta untuk kita semua. Nyahkan 'nila yang setitik' itu.



Mengapa ketidakpatuhan syariah boleh berlaku dan apa impaknya?

DALAM bahasa kewangan Islam, ketidakpatuhan syariah dirujuk sebagai Shariah Non-compliant, yang merupakan antara isu sering dibangkitkan dalam pengaplikasian syariah membabitkan transaksi kewangan Islam.

Bagi industri kewangan, tadbir urus (*governance*) adalah kunci kepada kepatuhan (*compliance*). Setiap transaksi yang dilaksana dalam urusan kewangan Islam wajib mengikut tadbir urus yang ditetapkan pihak berwajib termasuk Bank Negara Malaysia (BNM).

Tadbir urus yang ditetapkan pula kebiasaannya diterjemah dalam bentuk polisi, manual, panduan dan prosedur operasi standard (SOP) yang diluluskan oleh pihak-pihak pengurusan termasuk komuniti syariah bagi setiap institusi kewangan.

Apabila operasi yang dijalankan warga kerja institusi kewangan tidak patuh kepada SOP ditetapkan, contohnya, maka potensi untuk ketidakpatuhan syariah kemungkinan besar akan berlaku.

Dengan berlakunya 'pelanggaran' ini, maka pihak pengurusan risiko institusi kewangan akan membuat pertimbangan sejauh mana ketidakpatuhan syariah itu akan memberi impak kepada institusi kewangan tersebut.

Ketidakpatuhan syariah boleh dikategori kepada 3 keadaan:

-Ketidakpatuhan yang parah

-Ketidakpatuhan yang sederhana

-Ketidakpatuhan yang boleh diterima

Impak utama kepada ketidakpatuhan yang parah ialah segala perjanjian serta dokumen yang telah ditandatangani akan terbatal dan tidak boleh digunakan sama sekali.

Sekiranya ia berlaku, maka pihak institusi kewangan tidak boleh mengiktiraf keuntungan yang telah dipungut oleh pelanggan. Mereka harus menyalurkan kepada badan-badan kebajikan atau baitulmal. Perjanjian baharu harus dimeterai semula oleh institusi kewangan dan pelanggan.

Untuk ketidakpatuhan yang sederhana pula, segala perjanjian serta dokumen yang dimeterai antara institusi kewangan dan pelanggan akan tergantung. Dalam Bahasa Arab, ia dikenali sebagai 'fasid'. Ini bermakna, perjanjian tersebut tidak dapat dikuatkuasakan.

Apa yang perlu dibuat adalah dengan memperbetulkan perjanjian tersebut sehinggalah ia dapat dilaksanakan. Segala keuntungan yang dipungut boleh diiktiraf sebagai pendapatan tertakluk kepada persetujuan komuniti syariah.

Ketidakpatuhan syariah yang boleh diterima pula adalah keadaan di mana berlaku 'pelanggaran' yang tidak membawa kepada pembatalan perjanjian yang telah dimeterai antara institusi kewangan dan pelanggan. Keuntungan yang diterima boleh diiktiraf.

Namun, pihak komuniti syariah harus dimaklumkan untuk pengetahuan setiap ahli mereka tentang berlakunya ketidakpatuhan ini. Oleh demikian, penulis menyeru agar setiap warga kerja di institusi kewangan Islam dapat memastikan mereka sentiasa membaca, memahami dan mengamalkan tadbir urus yang ditetapkan.

Ini dapat mengelakkan berlakunya ketidakpatuhan syariah yang mungkin membawa impak negatif kepada institusi kewangan tersebut.



Merungkiti kekeliruan hukum forex, haram atau harus?

ISU diskriminasi pedagang runcit mata wang untuk menjalankan transaksi dagangan mata wang asing (*forex*), jika dibandingkan dengan bank-bank kembali diperkatakan. Adakah benar forex ini tidak boleh dilaksanakan menurut syariah di dalam industri kewangan, sedangkan ia merupakan satu daripada aktiviti penting dalam sistem kewangan negara?

Bagi penulis, dalam muamalat, hukum bertransaksi instrumen kewangan sentiasa bersifat harus, selagi mana tidak ada fatwa atau keputusan yang mengharamkannya.

Oleh demikian, hukum forex asalnya adalah harus. Jual beli mata wang atau forex ini dibenarkan syariah, asalkan ia menurut syarat-syarat kontrak jual beli mata wang secara Islam, yakni, Bay Al-Sarf.

Dalam isu pedagang runcit mata wang ini, sekiranya mereka dapat melaksanakan syarat-syarat Bay Al Sarf keseluruhannya, maka sepatutnya transaksi forex dibenarkan.

Ia bukan isu diskriminasi. Bank-bank sememangnya mampu mengikuti dan memenuhi semua syarat-syarat Bay Al Sarf, dan sebab itu, ia dibenarkan.

Antara kelebihan bank adalah pihak mereka mempunyai akaun antarabangsa *nostro/vostro* yang mampu menepati satu daripada kehendak-kehendak syarat Bay Al Sarf.

Tambahan pula, bank mempunyai jawatankuasa syariah yang sentiasa mengawasi dan mengawal selia semua transaksi forex bank-bank dari semasa ke semasa.



Menurut pandangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, antara syarat-syarat utama Bay Al Sarf yang mesti dituruti adalah:

-Berlaku taqabbudh (penyerahan) antara kedua-dua item yang terlibat dalam platform forex sebelum kedua-dua pihak yang menjalankan transaksi berpisah daripada majlis akad

-Jual beli mata wang hendaklah dijalankan secara lani dan tidak boleh berlaku sebarang penangguhan

-Akad jual beli al-sarf mesti bebas daripada khiyar al-Syart (Khiyar syarat). Khiyar syarat berlaku apabila salah satu pihak atau kedua-dua pihak menetapkan syarat ia mempunyai hak khiyar iaitu hak untuk membatalkan kontrak dalam tempoh tertentu

-Operasi perdagangan pertukaran mata wang asing ini hendaklah bebas daripada sebarang unsur riba, elemen al-Salaf wa al-Bay, yakni, pemberian hutang dengan syarat dilakukan transaksi jual beli. Ia juga termasuklah bebas daripada unsur perjudian, gharar yang berlebihan dan kezaliman atau eksploitasi.

-Menjadikan forex patuh syariah

Sehubungan itu, jika pedagang runcit mata wang dapat menepati dan melaksanakan syarat-syarat di atas, maka transaksi forex mereka sepatutnya dibenarkan.

Namun begitu, apabila kes transaksi mereka dibentangkan kepada pihak mufti agama Islam, perbentangan mereka telah gagal membuktikan (hingga kini) pedagang runcit mata wang mampu mengikuti dan melaksanakan syarat-syarat Bay Al Sarf.



Sebab itu, para mufti negeri mengeluarkan kenyataan bahawa hukum forex yang dilaksanakan broker-broker mata wang itu (setelah mengambil kira fakta dalam pembentangan dan penerangan) adalah tidak patuh syariah.

Pada penulis, secara am, forex hukumnya harus, selagi mana ia dapat mengikuti syarat-syarat Bay Al Sarf dan penulis amat menggalakan pedagang runcit mata wang ini untuk cuba dari semasa ke semasa, mencari jalan melaksanakan syarat-syarat Bay Al Sarf ini, agar transaksi forex mereka menjadi halal.

Pengalaman serta kemampanan dalam urus niaga forex adalah dihargai dan para bijak pandai syariah perlu memberi peluang dan tunjuk ajar kepada mereka untuk melaksanakan forex mengikut kehendak syariah.

Jangan pula sewenang-wenangnya membuat pendirian secara pukol rata dengan mengatakan yang forex itu haram.

Penulis berdoa agar para pedagang runcit mata wang yang beragama Islam dapat sama-sama berbincang dan mengembleng tenaga untuk mengadakan forex patuh syariah dalam masa terdekat. Ia adalah fardu kifayah untuk kita.



Waspada pelaburan emas, ambil tahu patuh syariah atau tidak?

PELABURAN emas kini menjadi 'kegilaan' kerana mengharapkan ia mampu memberi pulangan 'lumayan' dan lebih 'selamat' berbanding pelaburan lain. Ini menyaksikan banyak syarikat menawarkan skim pelaburan emas mulai tumbuh bagai cendawan selepas hujan dalam memenuhi permintaan yang kian meningkat.

Namun, dalam keghairahan membuat pelaburan ini, terdapat beberapa persoalan penting perlu diketahui oleh pelabur. Hakikatnya, ia mesti mengikut kaedah yang dibenarkan oleh syariah.

Ramai kenalan bertanya kepada penulis tentang kaedah kepatuhan syariah dalam pelaburan emas ini.

Mereka mengatakan terdapat beberapa perkara yang kabur dan tidak menepati kehendak syariah seperti 'barang tidak ada, tetapi masih dijual'.

Menurut syariah, barang (emas) mestilah ada, dan ia perlu dimiliki oleh penjual, sebelum si penjual menjual kepada pembeli.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan ialah penggunaan nama-nama cendekiawan Islam atau penasihat-penasihat syariah (yang terdiri daripada ustaz-ustaz terkenal) oleh syarikat pelaburan emas untuk meyakinkan para pelabur bahawa skim pelaburan mereka itu adalah patuh syariah.

Pada penulis, isu kepatuhan syariah pelaburan emas ini adalah berkaitan dengan isu kewartaan (pronouncement) yang dibuat oleh penasihat syariah syarikat pelaburan emas itu sendiri.

Kewartaan kepatuhan syariah ini selalunya mempunyai had waktu terpakai, contohnya, kepatuhan syariah ini hanya sah diperlakukan untuk tempoh 1 tahun.

Selepas tempoh tersebut, pihak syarikat pelaburan emas ini perlu mendapatkan kewartaan baharu untuk tujuan kepatuhan syariah.



Sebelum kewartaan kepatuhan syariah baharu dikeluarkan, penasihat syariah akan melaksanakan proses audit ke atas operasi pelaburan emas tersebut dahulu.

Proses audit ini adalah amat penting untuk memastikan operasi yang dijalankan mereka adalah patuh kepada prosedur operasi standard (SOP) yang diluluskan penasihat syariah.

Pronouncement akan diwartakan setelah pihak penasihat syariah berpuas hati dengan operasi yang dilaksanakan oleh syarikat pelaburan emas tersebut.

Selagi mana, pronouncement tidak diwarta, maka status kepatuhan syariah pelaburan emas masih tergantung.

Maka, para pelabur emas yang baharu dinasihat agar bersabar untuk membuat pelaburan, sehinggalah kepatuhan syariah diwartakan.

Sekiranya para pelabur mahu juga membuat pelaburan maka mereka telah mengambil risiko, yang mana kebarangkalian pelaburan emas yang dilaksana oleh syarikat emas tersebut tidak patuh syariah.

Jadi, sekiranya setelah membuat pelaburan dan kemudian pronouncement diwarta bahawa pelaburan emas syarikat tidak patuh syariah, maka segala keuntungan pelaburan tersebut tidak boleh dijadikan pendapatan, tetapi akan disalurkan kepada badan-badan kebajikan ataupun kepada Baitulmal.



Sesuaiakah bitcoin sebagai mata wang? Satu kajian perlu dilakukan

Status bitcoin masih menimbulkan tanda tanya dari sudut muamalat dalam sistem kewangan negara. Malah, ramai yang berkata ia adalah tidak patuh syariah dan tidak kurang pula yang berpendapat sebaliknya.

Penulis ingin menghuraikan perkara ini dengan merujuk kepada e-fatwa oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan menggesa mana-mana agensi berkepentingan untuk membuat kajian terperinci tentang penggunaan bitcoin ini, selari dengan wawasan penggunaan fintech dalam industri kewangan.

Sejarah latar belakang bitcoin bermula pada Januari 2009. Bitcoin merupakan satu bentuk mata wang digital yang mula diperkenalkan sekitar 2008 oleh penciptanya, Satoshi Nakamoto di mana satu artikel ditulis dan disebar di internet pada November 2008 dengan tajuk '*Bitcoin: A Peer-to-Peer Electronic Cash System*'.

Berbeza dengan mata wang kertas, bitcoin adalah mata wang elektronik sepenuhnya yang tidak datang dalam bentuk fizikal.

Tambahan, ia dianggap sebagai '*medium of exchange*' namun tidak pula diiktiraf sebagai '*legal tender*' oleh negara.

Oleh itu, bitcoin pada masa ini, tidak dikawal selia oleh mana-mana badan atau institusi sebagaimana kebiasaan mata wang lain.

-Transaksi bitcoin

Tanpa sebarang kawalan daripada mana-mana badan autoriti, banyak transaksi bitcoin yang dijalankan oleh pengguna dilihat sebagai gagal memberikan manfaat kepada masyarakat umum, malah kemungkinan besar ia akan meimbulkan kemudaratan yang tidak terkawal dalam sistem kewangan.

Kebarangkalian ia akan menyebabkan kerugian terhadap pengguna juga adalah tinggi.

Terdapat kajian yang membuktikan bahawa 40% daripada transaksi pertukaran bitcoin tidak berjaya dan hasilnya, ia mendatangkan kemudaratan dan kerugian melampau kepada penggunanya.

Dari perspektif syariah pula, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian berkenaan penggunaan bitcoin sebagai mata wang digital ini.

Jadi, seeloknya kita boleh merujuk penggunaan bitcoin ini dari sudut hukum fiqh dan juga dari sudut ekonomi Islam.

Menurut cendikiawan Islam dari sudut hukum fiqah, bitcoin adalah mata wang yang tidak datang dalam bentuk fizikal, justeru pemilikan atau qabd kepada mata wang ini hanya berlaku secara hukmi, iaitu, pemilik bitcoin tidak memiliki hak milik sebenar tetapi mempunyai hak undang-undang untuk mengawal bitcoin tersebut kerana ia tidak akan berlaku secara fizikal.

Oleh demikian, hukum secara hukmi ini hendaklah dipatuhi agar ia tidak melencong dari landasan syariah.

Sebagai contoh, selepas pelanggan memiliki bitcoin, maka hak milik serta tanggungan ke atas bitcoin akan bertukar tangan dari penjual kepada pelanggan dan pelanggan sudah mempunyai hak sepenuhnya untuk menggunakan bitcoin tersebut mengikut kehendaknya.

-Terdedah kepada spekulasi

Satu aspek yang perlu dipatuhi dari sudut syariah ialah, apabila bitcoin diguna untuk ditukar kepada mata wang atau emas (yang dikategori sebagai barangan ribawi). Apabila ia berlaku, maka ia terikat dengan syarat-syarat ketat kontrak Bay' al-Sarf (jual beli mata wang secara Islam).

Sekiranya pembelian dengan bitcoin melibatkan barangan ribawi seperti emas maka pembayaran hendaklah dilakukan 'on the spot' ketika transaksi jual beli.

Begitu juga jika transaksi melibatkan pertukaran antara bitcoin dengan mata wang lain maka ia hendaklah dilakukan tanpa ada sebarang penangguhan.

Pemerhatian penulis dari sudut ekonomi Islam pula mendapati, walaupun bitcoin dikatakan sebagai satu mata wang tetapi ia sebenarnya tidak berasaskan kepada apa-apa aset sebagai dasar. Ia adalah komoditi.

Sehubungan itu, ia terdedah kepada spekulasi. Dan spekulasi yang berlaku dewasa ini adalah sukar dikawal.

Harga satu unit bitcoin boleh mendadak naik dari tahun ke tahun. Malah, kebarangkalian harganya menurun secara drastik juga mungkin berlaku dalam masa yang singkat.

-Kawal selia transaksi bitcoin

Kajian mendapati pada 2010, satu unit bitcoin adalah bernilai AS\$0.01 dan pada 2014, satu unit bitcoin telah naik berganda dan bernilai melebihi AS\$550.

Begitu juga pada awal 2011, kenaikan nilai bitcoin dalam sehari direkodkan antara 5 hingga 10%. Sebaliknya, nilai bitcoin juga mampu merudum mendadak secara tiba-tiba dalam masa yang singkat.

Industri kewangan mencari ciri-ciri mata wang yang nilainya stabil dan boleh dijadikan ukuran untuk aset-aset lain. Oleh demikian, untuk masa ini, penulis menyimpulkan:

-Bitcoin masih lagi tidak sesuai dijadikan mata wang kerana ia boleh dicemari unsur spekulasi yang melampau

-Nilainya juga tidak stabil dan boleh naik atau turun secara mendadak

-Ia juga tidak dikawal oleh mana-mana badan berautoriti

Namun begitu, pada penulis, bitcoin mampu menjadi satu instrumen yang efektif dan perlu dipelajari dengan lebih mendalam untuk dilaksanakan.

Dalam ekonomi Islam, antara perkara yang perlu diberi perhatian untuk dikaji ialah untuk menghapuskan unsur ketidakpastian (gharar fahish) yang telah, sedang dan akan timbul dalam transaksi bitcoin.

Sebenarnya kita sedang mencari pemangkin untuk menstabilkan nilai bitcoin dalam jangka masa panjang agar ia tidak menimbulkan spekulasi melampau.

Akhirnya, adalah perlu diwujudkan satu badan berautoriti yang mampu mengawal selia transaksi bitcoin dalam industri.



Memahami kepentingan dasar monetari dan fiskal

Terdapat 2 jenis alat yang digunakan oleh kerajaan dalam mempengaruhi ekonomi negara - monetari dan fiskal. Apakah yang kita kena tahu tentang kedua-dua alat ini?

-Dasar monetari

Dasar monetari adalah berkaitan pengurusan kadar faedah atau kadar keuntungan dan jumlah bekalan wang yang beredar dalam ekonomi dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

Ia adalah dasar makroekonomi yang digunakan oleh kerajaan untuk mencapai objektif makroekonomi seperti inflasi, permintaan, pertumbuhan dan kecairan. Salah satu alat yang digunakan BNM untuk mengawal bekalan wang dalam ekonomi adalah menggunakan kadar dasar semalaman (OPR). Ketika ini, OPR dikekalkan pada 1.75% setahun.

Jika bekalan wang dalam ekonomi kurang, BNM akan menurunkan OPR. Penurunan ini akan memberi kesan kepada BLR/BFR/BR bank-bank dan ia menjadikan orang ramai mula berbelanja kerana kadar faedah/kadar keuntungan akaun simpanan/akaun pelaburan di bank-bank adalah rendah.

Dan, kadar faedah untuk pinjaman dan kadar keuntungan untuk pembiayaan juga akan menjadi rendah.

Penulis berpendapat, dasar monetari ini adalah berkaitan dengan pembekalan wang, yang dikendalikan melalui faktor-faktor seperti kadar faedah dan keperluan rizab (CRR) untuk bank.



Fiscal Policy



Monetary Policy

Sebagai contoh, untuk mengawal inflasi yang tinggi, pembuat dasar seperti BNM, boleh menaikkan kadar faedah (OPR), dan dengan itu ia akan mengurangkan bekalan wang.

Penulis juga ingin menambah yang dasar monetari ini hanya boleh digunakan dalam ekonomi pasaran (market economy), tetapi bukan dalam ekonomi fasis, komunis atau sosialis.

John Maynard Keynes merupakan seorang pakar ekonomi yang menyokong tindakan campur tangan kerajaan menggunakan alat-alat dasar sebegini untuk merangsang ekonomi semasa kemelesetan dalam ekonomi pasaran.

-Dasar fiskal

Dasar fiskal pula adalah pengurusan ekonomi dalam pengawalan kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan bagi menggalakkan transaksi unit-unit ekonomi negara. Ia merujuk kepada tindakan kerajaan dalam urusan berkaitan dengan cukai dan perbelanjaan kerajaan.

Sekiranya, kerajaan mahu merangsang pertumbuhan dalam ekonomi, ia akan meningkatkan perbelanjaan untuk barangan dan perkhidmatan. Kerajaan juga boleh menurunkan cukai. Ini akan meningkatkan permintaan barangan dan perkhidmatan.

Penurunan perbelanjaan kerajaan dan kenaikan cukai akan menurunkan permintaan keseluruhan dalam ekonomi. Pada penulis, dasar fiskal ini adalah berkaitan dengan perbelanjaan kerajaan dan kutipan hasil.

Sebagai contoh, apabila permintaan kepada barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi adalah rendah, kerajaan boleh melangkah dan meningkatkan perbelanjaannya untuk merangsang permintaan tersebut.

Atau ia boleh menurunkan cukai untuk meningkatkan pendapatan boleh guna untuk orang dan juga syarikat.



Mengapa perancangan kewangan Islam penting kepada usahawan?

DALAM usaha membangunkan sistem kewangan Islam yang progresif dan inklusif, Malaysia memberi tumpuan kepada 3 bidang utama iaitu daya tahan sosial, daya tahan iklim dan pemerksaan perniagaan. Usaha tersebut melibatkan kepelbagaian penyelesaian kewangan patuh syariah untuk menangani jurang pasaran dan mengambil pendekatan inovatif bagi memenuhi keperluan masyarakat dan ekonomi yang berubah.

Ini turut menyaksikan penglibatan para usahawan dalam program Perancang Kewangan Islam (IFP) yang kian meningkat demi mengembangkan lagi perniagaan mereka.

Perkembangan ini beserta fokus industri berasaskan nilai, akan membantu mengukuhkan lagi kecekapan usahawan dalam sektor kewangan Islam dan seterusnya meningkatkan sumbangan mereka kepada pertumbuhan dan kemajuan sosioekonomi Malaysia.

Untuk makluman, program IFP telah bermula sejak 2007 lagi dan ia diiktiraf kedua-dua badan kawal selia iaitu Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bank Negara Malaysia (BNM) serta memperoleh status akreditasi penuh oleh Agensi Akreditasi Kewangan (FAA).

Sehingga kini, lebih 1,700 usahawan dengan sijil IFP telah dilahirkan meliputi negara-negara seperti Malaysia, Brunei, Singapura, Indonesia dan separuh dari negara di Afrika.

Malaysia sememangnya memerlukan lebih ramai pakar-pakar perancang kewangan Islam bagi memenuhi permintaan yang meningkat terutama daripada pelanggan runcit muslim yang memerlukan piawai kecekapan dan amalan yang menurut prinsip syariah.

Malah, masyarakat pula kini mula faham dan mencari pakar perancang kewangan Islam untuk bantuan dan sokongan nasihat untuk memenuhi tanggungjawab mereka dalam pengurusan kewangan.



Antara institusi latihan yang prihatin tentang usaha membina kompetensi usahawan dalam bidang ilmu perancang kewangan Islam termasuklah Emzek Associates (M) Sdn Bhd (Emzek) melalui anak syarikatnya, Emzek Academy PLT.

Sehingga kini mereka telah menyumbang kepada 136 usahawan dengan sijil IFP yang mana kemasukan kelima telah mencatat kadar kelulusan 100% dan penulis adalah salah seorang tenaga pengajarnya.

Dari sudut perniagaan, tanpa sistem pengurusan kewangan yang baik, segala keputusan perniagaan tidak dapat dilakukan dengan tepat kerana banyak proses pembuatan keputusan dalam perniagaan ditentukan melalui maklumat dan data-data kewangan.

Pandangan pakar tentang perkara-perkara penting yang perlu diambil kira oleh setiap usahawan dalam pengurusan kewangan perniagaan. Mereka kena bijak menguruskan kewangan mereka berdasarkan prinsip-prinsip kewangan yang telah ditetapkan dalam ajaran Islam.

Oleh demikian, pelaksanaan pengurusan kewangan secara Islam merupakan sebahagian daripada perkara asas dalam membentuk etika perniagaan Islam.

Dalam hal ini, setiap usahawan perlu diserap dengan ilmu pengurusan kewangan Islam demi memastikan setiap aktiviti kewangan bebas daripada semua unsur yang diharamkan seperti riba, gharar dan maysir.



Pentingnya perbetulkan salah faham dalam muamalat kewangan

Hingga ke hari ini, masih kedengaran beberapa isu berkaitan muamalat kewangan Islam. Salah satu daripada salah faham dalam kalangan pemain industri kewangan ialah takrifan berkenaan perbankan dan perkhidmatan kewangan Islam hanya kepada orang Islam sahaja.

Satu lagi isu adalah berkaitan kefahaman pelanggan bank tentang perkataan 'pinjaman' dalam industri kewangan Islam, hinggakan ada segolongan mereka yang mengatakan tidak ada perbezaan langsung antara perbankan biasa dan perbankan Islam.

Perbankan Islam untuk Muslim sahaja?

Islam adalah satu agama yang lengkap dan merangkumi seluruh aktiviti yang dijalankan di atas muka bumi ini. Syariah meliputi segenap sudut termasuk ekonomi. Sesiapa sahaja yang dinamakan manusia boleh menikmati produk dan perkhidmatan kewangan selagimana produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh institusi-institusi perbankan tersebut menurut kehendak syariah yang ditetapkan oleh pihak berwajib.

Di Malaysia, ramai dalam kalangan pelanggan bukan Muslim telah memilih produk dan kewangan Islam.

Antara sebab-sebab utama kenapa pemilihan ini dibuat adalah kerana produk yang dihasilkan berdasarkan kontrak-kontrak syariah menepati cita rasa pengguna, menarik dan ia menguntungkan.

Di samping itu, sikap toleransi pihak Bank Negara Malaysia (BNM) serta Suruhanjaya Sekuriti yang mengamalkan sikap terbuka dan penyediaan garis panduan yang telus dan efisien, berjaya membuktikan bahawa kewangan Islam adalah yang terbaik dan mampu dijadikan sistem kewangan di dunia demi mengembalikan kecemerlangan kewangan Islam.

Tiang utama kewangan Islam ialah syariah. Ia menggariskan bahawa segala ketetapan transaksi dan aktiviti kewangan mestilah bersumber kepada Al-Quran dan al-Sunnah bersama sumber lain yang akan membentuk garis panduan lengkap dalam sistem kewangan Islam untuk semua manusia di atas muka bumi ini.

Pinjaman atau Pembiayaan?

Pinjaman adalah dibenarkan dalam Islam. Namun begitu, pinjaman perlulah menurut kehendak syariah yang jelas. Malah, pinjaman juga mesti tanpa riba atau tanpa faedah. Pinjaman yang selalunya diberikan oleh institusi perbankan Islam adalah pinjaman berihisan.

Sehubungan itu, pinjaman ini adalah sejenis pinjaman yang tiada batas waktu yang diperuntukkan untuk peminjam melangsaikan hutang. Dalam hal ini, peminjam boleh membayar jumlah pinjaman tersebut kepada institusi kewangan apabila mereka mampu untuk menjelaskannya.

Secara am, penggunaan istilah 'pinjaman' adalah lebih bersesuaian digunakan apabila kemudahan kredit yang dipilih itu adalah daripada institusi kewangan konvensional.

Sekiranya memilih kemudahan kredit daripada perbankan Islam, penggunaan istilah 'pinjaman' adalah tidak tepat. Istilah yang lebih sesuai digunakan ialah 'pembiayaan'. Pinjaman adalah satu kontrak antara pemberi hutang (institusi kewangan) dan peminjam (pelanggan) di mana pihak yang pertama menyediakan kemudahan tunai kepada pihak kedua untuk membeli sesuatu aset yang dikehendaki.

Pihak pertama akan mengenakan faedah atau riba ke atas pinjaman yang diberikan dan si peminjam akan membayar balik pinjaman tersebut dalam tempoh ditentukan. Unsur faedah atau riba ini adalah bertentangan dengan kehendak syariah.

Bagi istilah 'pembiayaan' pula, ia membawa maksud yang lebih mendalam. Secara amnya pembiayaan adalah transaksi perbankan di mana pihak institusi kewangan menyediakan kemudahan kredit untuk pelanggan memiliki atau menggunakan sesuatu aset secara 'jual beli' ataupun 'sewa beli'.

Untuk pembiayaan 'jual-beli', kebiasaannya pelanggan akan mengenal pasti aset yang hendak dimiliki dan seterusnya memohon pembiayaan dari pihak institusi kewangan. Institusi kewangan pula seterusnya akan membeli aset tersebut dengan harga kos dan kemudiannya menjual kepada pelanggan dengan harga kos campur untung.

Pelanggan seterusnya akan membayar harga kos campur untung tersebut secara tangguh. Bagi pembiayaan 'sewa-beli' pula, institusi kewangan akan membeli aset dan bertindak sebagai pemilik aset sebelum menyewakan aset tersebut kepada pelanggan.

Kemudiannya, pelanggan akan membayar sewa bulanan kepada institusi kewangan, selagi mana pelanggan menggunakan aset tersebut. Transaksi jual beli dan sewa beli ini adalah bertepatan dengan kehendak syariah dan mendapat kelulusan dari Majlis Penasihat Syariah, BNM.

Bila syarikat tidak ambil peduli status patuh syariah

Senarai saham patuh syariah yang baharu diwartakan berkuat kuasa Jumaat lalu telah mendapat kelulusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Bagaimanapun, saham-saham yang diapungkan di Bursa Malaysia ini akan disaring sekali lagi pada tahun hadapan dan diwartakan pada 27 Mei 2022.


Secara keseluruhan, terdapat 948 saham diapungkan di Bursa Malaysia. Kesemua saham ini terdiri daripada pelbagai sektor daripada produk dan perkhidmatan industri, teknologi, pembinaan hinggalah sektor kewangan.

Daripada jumlah ini, sebanyak 751 saham yang diapungkan adalah patuh syariah. Jumlah ini meliputi 79% daripada keseluruhan jumlah saham yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Dalam senarai ini, terdapat 33 saham baharu diklasifikasi sebagai patuh syariah manakala 25 saham yang dahulu tersenarai sebagai saham patuh syariah, kini telah terkeluar daripada senarai tersebut.

Antara yang mengejutkan penulis ialah Konsortium Transnasional Bhd. (kod saham 4847) yang telah terkeluar daripada senarai saham patuh syariah.

Pada pendapat penulis, jika sekiranya pihak pengurusan Konsortium Transnasional ini mengambil peduli tentang keperluan mereka untuk mengikuti piawaian patuh syariah seperti ditetapkan SC, saya percaya saham mereka tidak terkeluar daripada senarai kali ini.



Tetapi, turut membanggakan ialah penyertaan saham baharu dalam senarai ini, seperti ICT Zone Asia Bhd. (kod saham 03038) dan RCE Capital Bhd. (kod saham 9296).

Penulis amat teruja dengan kedua-dua syarikat ini kerana mereka menunjukkan komitmen dan sikap ambil peduli tentang piawaian SC dalam penetapan status kepatuhan syariah.


Di samping itu, mereka juga mengambil inisiatif dengan mendapatkan nasihat daripada penasihat syariah yang berdaftar dengan SC.

Antara penasihat syariah berdaftar dengan badan kawal selia itu termasuklah Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM), IIUM Shariah Advisory Services, ISRA International Consulting, Amanie Advisors, BIMB Securities dan Masyref Advisory.

Malah, ICT Zone dan RCE Capital juga pernah berurusan dengan penulis semasa berkhidmat sebagai Ketua Penasihat Syariah di IBFIM.

Penulis menyeru kepada semua syarikat yang ingin mengapungkan saham mereka di Bursa Malaysia dan semua syarikat yang kini memegang status saham patuh syariah, supaya ambil peduli tentang kepentingan piawaian SC dalam proses saringan saham patuh syariah.

Ini amat penting bagi memastikan saham mereka terus tersenarai sebagai saham patuh syariah.



Penggunaan e-dompot dari perspektif keperluan syariah

E-WALLET atau dompet digital (e-dompot) telah diperkenalkan oleh pemain teknologi. Kini sebarang bentuk pembayaran semakin mudah. Pengguna perlu memiliki kod tersendiri untuk pemindahan wang kepada pihak lain dengan hanya menggunakan kod tersebut. Pengguna dan pedagang menggunakan aplikasi 'scan' untuk memindahkan wang antara satu sama lain.

Secara tradisi, apabila pengguna pergi ke kedai untuk membeli barang, pengguna memindahkan wang daripada dompet mereka kepada pekedai.

Yang membezakan dompet biasa dan e-dompot hanyalah bentuknya; dompet berbentuk fizikal manakala e-dompot dalam bentuk maya.

Antara contoh e-dompot terkenal di Malaysia termasuklah GrabPay, Touch n Go, Boost dan Razerpay. Di lapangan antarabangsa pula Samsung Pay, Alipay, Googlepay adalah jenama e-dompot yang popular.

Ciri-ciri aplikasi e-dompot ini terutamanya merekodkan segala perbelanjaan pengguna, justeru, mereka tidak perlu memikirkan ke mana duit dibelanjakan.

Tambahan lagi, dengan adanya e-dompot, para pengguna tidak perlu lagi beratur panjang di plaza tol atau pasar raya untuk membuat bayaran atau menambah nilai kerana ia boleh dilakukan secara dalam talian sahaja.

Ini akan menjimatkan masa dan yang menyeronokan, pelanggan tidak lagi akan menerima duit baki di kaunter tunai.

Di samping itu, pelbagai tawaran diskaun ditawarkan seperti pulangan tunai dan baucer daripada pelbagai syarikat pedagang sekali gus dapat menjimatkan perbelanjaan pengguna.

Bagi penulis, secara teknikal, e-dompot ini adalah alat elektronik atau alat perkhidmatan dalam talian yang membolehkan individu membuat transaksi elektronik.



Antara transaksi e-dompot termasuklah pembelian barangan secara dalam talian menggunakan komputer atau telefon pintar daripada mana-mana pembekal atau penjual barang.

Aplikasi penggunaan ini sebenarnya sama seperti kad kredit atau kad debit kerana ia mesti bergabung dengan akaun bank individu untuk membuat pembayaran.

Dengan adanya kata kunci (*password*), e-dompot bertindak sebagai akaun prabayaran dan membolehkan pengguna membuat pembayaran secara mudah alih.

Sebelum diaktifkan, mereka perlu memasukkan maklumat bank mereka untuk disimpan di dalam e-dompot. Apabila tiba masanya, maka individu tersebut boleh membuat pembayaran daripada aplikasi tersebut.

Perspektif syariah

Islam hakikatnya tidak pernah menghalang sebarang bentuk teknologi baharu. Bahkan Islam mengiktiraf dan menggalakkan penggunaan akal manusia pada tahap maksimum untuk kemaslahatan kehidupan manusia.

Islam memandu prinsip akal agar tidak bercanggah dengan kehidupan manusiawi. Jenis apapun teknologi yang direka cipta, ia mestilah bertujuan untuk kebaikan kehidupan manusia dan bukan mencabar kekuasaan tuhan. Objektif adalah sama untuk mencapai maqasid syariah.

Prinsip syariah dalam mualamat dan transaksi moden yang berlaku hari ini adalah bersifat harus (halal) selagi tidak mempunyai unsur riba, gharar, judi, serta tidak ada perkara yang haram dan kezaliman. Evolusi dan inovasi manusia tetap perlu diraikan sesuai dengan zamannya.

Penulis bersetuju dengan pendapat yang mengatakan penggunaan e-dompot ini bersifat harus. E-dompot adalah alat elektronik kepada perkhidmatan dalam talian, yang digunakan untuk tujuan membuat pembayaran dengan lebih berkesan, efisien dan mudah.



Penulis memberi kiasan e-dompet ini umpama 'gelas'. Gelas itu 'alat' atau 'tool' untuk kita minum. Oleh demikian jika penggunaan gelas untuk minum air, maka ia dibenarkan.

Namun, jika gelas ini diguna untuk minum arak, maka ia tidak mematuhi kehendak syariah. Kiasan ini sama juga kepada e-dompet. Sekiranya, ia digunakan untuk tujuan yang baik, maka ia dibenarkan.

Bagi penulis, e-dompet sebenarnya tidak ada status 'halal' atau 'haram'. Kepatuhan syariah bergantung kepada cara aplikasi serta tujuan penggunaannya oleh pedagang dan pelanggan.

Kesimpulannya, perkhidmatan e-dompet ini, hingga kini masih boleh dipraktikkan selagi tidak melanggar prinsip syariah apatah lagi ia sebenarnya membantu manusia memudahkan urusan kewangan harian.

Bagaimanapun, para penasihat syariah masih lagi meneliti dan memperbaiki beberapa isu teknikal, aplikasi kontrak, proses dan kaedah promosi oleh syarikat penyedia e-dompet agar tidak akan ada lagi isu perkhidmatan e-dompet yang tidak patuh syariah.



Adakah pembiayaan perumahan Islam lebih mahal?

MASIH ada pelanggan perbankan tidak faham tentang kadar siling dan kadar efektif yang kini ditawarkan oleh institusi kewangan Islam dalam pembiayaan perumahan mereka. Oleh demikian, sebilangan besar mereka merasakan pembiayaan perumahan Islam yang ditawarkan masih mahal berbanding pinjaman perumahan daripada bank konvensional.

Dalam pembiayaan perumahan yang menggunakan kadar terapung, akan terdapat 2 kadar yang tercatat dalam perjanjian pembiayaan iaitu kadar siling dan kadar efektif. Kadar siling adalah kadar yang digunakan untuk mendapatkan jumlah harga jualan manakala kadar efektif pula adalah kadar untuk mengira jumlah bayaran bulanan yang perlu pelanggan bayar sepanjang tempoh pembiayaan.

Harga jualan yang dikadar kepada kadar siling ini adalah jumlah maksimum para pelanggan akan bayar di sepanjang tempoh pembiayaan mereka.

Kadar siling akan lebih tinggi daripada jumlah kadar efektif semasa. Sebagai contoh, 10.5%. Jika jumlah pembiayaan perumahan adalah RM300,000, tempoh pembiayaan 25 tahun, maka jumlah harga jualan mungkin akan mencecah sehingga RM700,000. Inilah jumlah yang disalah ertikan sebagai 'mahal' oleh para pelanggan kerana jumlah ini akan tercatat dalam perjanjian.

Kadar efektif pula adalah kadar asas tambah kadar keuntungan untuk bank yang selalunya akan ditawarkan mengikut kadar semasa dalam industri perbankan. Sebagai contoh, jika sekiranya kadar asas bank ialah 2.5%, dan kadar keuntungan bank adalah 2%, maka kadar efektif adalah 4.5%.

Ansuran bulanan yang dibayar pelanggan sepanjang tempoh pembiayaan adalah dengan kadar efektif ini.

Jumlah bayaran bulanan sepanjang tempoh pembiayaan tidak akan sama sekali melebihi jumlah harga jualan yang telah ditetapkan.

Secara purata, jumlah keseluruhan bayaran bulanan pelanggan di akhir tempoh pembiayaan akan jauh lebih kecil daripada jumlah harga jualan.

Jika dibandingkan dengan pinjaman perumahan konvensional, jumlah bayaran bulanan pinjaman perumahan akan kurang lebih sama sahaja dengan jumlah bayaran bulanan pembiayaan perumahan kerana kadar yang digunakan ialah kadar efektif yang selalunya berubah mengikut kadar faedah atau kadar keuntungan dalam pasaran industri kewangan.

Namun, risiko untuk kadar faedah pinjaman perumahan di bank konvensional melebihi kadar siling 10.5% peratus masih ada. Untuk pembiayaan perumahan Islam, kadar efektif tidak mungkin akan melebihi 10.5%.

Jadi, soalan seterusnya, jika pelanggan membayar bayaran bulanan mengikut kadar efektif, kenapa perlu ada kadar siling?

Jawapannya ialah kerana dalam pembiayaan perumahan yang menggunakan kontrak jual beli seperti komoditi murabahah, rukun-rukun jual beli perlu diikuti.

Salah satu syarat rukun jual beli ialah harga kena tetap. Tanpa harga tetap, maka kontrak ini akan menjadi gharar.

Gharar adalah satu daripada perkara terlarang dalam muamalat Islam, dan jika terbit unsur gharar dalam kontrak jual beli maka perjanjian itu akan menjadi tidak sah.



'Profit' daripada bank Islam adalah haram, menindas?

RIBA itu haram. Semua setuju. Sebab apa riba itu haram? Sebab berlaku penindasan. Tujuan pengharaman riba ialah untuk mengelak penindasan ini berlaku. Penindasan akan memudaratkan masyarakat.

Hukum taklifi, riba ialah haram. Impak penindasan riba bertentangan dengan maqasid syariah yang menghalang perkara yang mudarat dan menganjurkan perkara kebaikan kepada umat manusia.

Dalam soal penindasan ini, ada sebilangan individu menyatakan penjanaaan '*profit*' bank Islam adalah riba sebab ia juga menindas. Bagi penulis, individu seperti ini disaran untuk belajar ilmu muamalat sebelum membuat kenyataan semberono tanpa usul periksa.

'*Profit*' tidak boleh disamakan dengan riba. Definisi riba lain, buyu' dan duyun. Kena belajar apa dia buyu' dan duyun dahulu. Penindasan merujuk kepada 'oppression'. Dikatakan bahawa '*profit*' yang dicaj oleh perbankan Islam juga menindas, kerana mahal.

Oleh kerana mahal dan menindas, lalu individu tersebut menyamakan '*profit*' ini dengan riba. Ini tidak benar. Hipotesis ini salah. '*Profit*' adalah hasil jual beli. Riba adalah hasil lebihan daripada jumlah pinjaman.

-Bebas memilih

Jual secawan teh tarik yang harga kos tak sampai 20 sen dengan harga RM1 hingga RM50 bukan riba. Pemberian pinjaman RM100 dan dibayar balik RM150, ia riba.

Satu untung daripada '*profit*' jual beli dan satu lagi untung daripada '*profit*' pinjaman. Untung '*profit*' jual beli halal dan untung '*profit*' pinjaman haram. Sumber dari Al-Quran; surah Al Baqarah 275.

Dalam muamalat dan iktisad pasaran bebas sekarang, pelanggan bebas memilih. Kalau dirasa '*profit rate*' tinggi di satu bank, mereka boleh mencari '*profit rate*' di bank yang lain, yang jauh lebih rendah daripada bank yang dikatakan mahal. Bank-bank pun bersaing di antara satu sama lain untuk menawarkan produk mereka. Kita boleh pilih mana yang kita suka. '*Willing seller and willing buyer*'.

Di Malaysia, terdapat 31 bank menawarkan produk perbankan Islam. Kalau satu bank mahal, ada lagi 30 bank yang boleh kita pergi membeli-belah. Adakah kita membeli-belah untuk pembiayaan perumahan kita?

Isu tindas atau tidak adalah tidak relevan di sini. Ia digembar-gemburkan semata-mata untuk mencari populariti sahaja. Resolusi dari mujtahid dan sarjana telah termaktub malah dipersetujui di seluruh dunia.

-Proses tadarruj

Kenapa kita masih mahu bertuhan kepada pendapat sebilangan kecil 'pakar pengkritik perbankan Islam' yang mungkin tidak ada kepakaran dalam ilmu fiqh muamalat, usul fiqh dan qawaid fiqhiyah?

Tahukah kita bahawa setiap fatwa atau resolusi wajib disaring melalui proses yang teliti sebelum mencapai keputusan syariah.

Ia memerlukan tenaga dan kudrat yang hebat termasuk rujukan sumber-sumber syariah seperti Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas.

Para mujtahid pula tidak boleh diwakili oleh individu biasa. Mereka berkelayakan. Oleh itu, kepada rakyat biasa, jangan terpedaya dengan tohmahan palsu yang cuba memporak perandakan sistem perbankan Islam yang sedia ada sekarang.

Kita masih lagi mencari kesempurnaan dalam persekitaran yang penuh dengan debu-debu riba dan tertakluk kepada adat dan budaya kewangan kapitalis.

Proses pengharaman arak dan riba pun melalui beberapa fasa ayat Al-Quran. Ini proses tadarruj.

Penulis mengharap kesepakatan dan sokongan kita semua mampu mengukuhkan lagi daya ketahanan dan usaha berterusan dalam mengembalikan martabat kewangan Islam ke takhta yang sepatutnya.

*NOTA : Penulis memilih kekalkan perkataan '*profit*' kerana ia sering dirujuk sebagai riba



Mana silapnya ekonomi Islam?

DALAM membina sistem ekonomi Islam ini (termasuk lah kewangan Islam) kini terdapat dua arus utama gerakan Islam.

Pertama, gerakan Islam yang terdiri daripada sarjana dan ekonomis yang sangat tegas dan rigid dalam mematuhi ajaran Islam mengikut kaedah menafsirkan al-Qur'an & Sunnah.

Mereka biasanya menumpukan perhatian pada perkara-perkara muamalah yang remeh tanpa mempunyai model ekonomi dan politik berasaskan ajaran Islam yang dapat dilaksanakan dan difahami oleh masyarakat awam.

Aliran gerakan Islam yang kedua pula lebih bersifat liberal dan lebih realistik. Aliran ini terbuka dalam menafsirkan Al-Qur'an dan Hadis.

Mereka bersedia untuk berkompromi atau mengubah pendirian mereka mengenai isu-isu nasional dan antarabangsa tertentu, dan biasanya menggabungkannya dengan politik semasa.

Namun, ketika mencari jalan mengadakan ekonomi negara yang ideal, mereka tidak bersiap sedia dan tidak komited untuk menerapkan model ekonomi yang berasas 'divined' dan hanya menerima apa sahaja model yang sudah ada dan mengikuti sistem sekular yang ada sekarang.

Akibatnya, para sarjana dan ekonomis tidak dapat memahami dan memvisualisasikan model ekonomi Islam yang sebenar dalam menangani masalah ekonomi negara.

Model ekonomi yang merangkumi ciri-ciri prinsip dan teori yang berkonsepkan sistem ekonomi yang diamalkan pada zaman Nabi, pada zaman sahabat.

Tiada pengetahuan tentang model Islam yang sebenar untuk dioperasikan dalam keadaan ekonomi sekarang yang perlu difahami dan diperbetulkan untuk menggantikan model cacat yang sedang beroperasi secara sekular sekarang.



Sehubungan itu, perkara seperti di atas telah menjadi penyebab utama masyarakat kehilangan kepercayaan dan keyakinan terhadap kemampuan sistem ekonomi Islam yang sebenar ("*divined*") untuk menangani masalah ekonomi sekarang.

Makna kata, kepercayaan dan keyakinan terhadap kemampuan ekonomi Islam yang sebenar ini untuk menangani masalah ekonomi telah dan kian terhakis oleh kegagalan umat Islam untuk menghadirkan kepada masyarakat model ekonomi makro dan mikro berasaskan "*divinity*" ini, yang mampu mengurangkan frekuensi dan kesan ekonomi krisis.

Kesimpulan yang boleh dinyatakan ialah:

1. Kefahaman berkaitan model ekonomi Islam yang sebenar masih cetek, tidak diterangkan secara yang mendalam sehingga para sarjana dan ekonomis mempunyai beberapa idea yang tidak tepat tentang apa yang dimaksudkan dengan sistem ekonomi Islam itu sendiri.
2. Kekurangan perancangan senario dan perancangan strategik yang komprehensif yang mampu membawa transformasi sistem ekonomi.
3. Nampaknya, model ekonomi "Islamisasi" sekarang hanya bermaksud mematuhi aspek Syariah sahaja tanpa mengambil kira dan menyemai kesan '*theology*', '*vicegerency*' dan etika dalam komponen ekonomi.

Kendatipun begitu, para sarjana dan ekonomis kini kian aktif mencari solusi dalam membina model baharu untuk mengstruktur satu kerangka sistem ekonomi Islam baharu. Semoga model tersebut lekas-lekas dibentangkan.



Peranan Baitulmal dalam pasaran modal Islam

Wang syubhah ialah wang yang dihasilkan daripada aktiviti tidak diketahui status halal haram dan bercampur dengan perkara dilarang oleh syariah.

Hingga kini terdapat banyak persoalan berkaitan dengan wang syubhah hasil daripada aktiviti-aktiviti yang tidak selari dengan syariah dalam industri kewangan.

Ini termasuklah isu wang syubhah yang terhasil daripada aktiviti pelaburan dijalankan oleh pengurus dana unit amanah dalam pasaran modal Islam.

Untuk makluman, dalam pasaran modal di Malaysia, segala aktiviti pelaburan unit amanah adalah dilakukan oleh pengurus dana unit amanah konvensional dan pengurus dana unit amanah syariah.

Kini, terdapat 40 pengurus dana unit amanah syariah yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan mereka akan menguruskan segala aktiviti pelaburan dana.

Dalam proses pengurusan dana tersebut, segala aktiviti perlu mengikut semua prosedur yang ditetapkan serta berlandaskan garis panduan oleh Majlis Penasihat Syariah SC (SACSC).

Bagaimana 'terhasilnya' wang syubhah?

Dalam pasaran modal Islam, terdapat 3 situasi berbeza yang menghasilkan wang syubhah ini.

Situasi pertama adalah di mana pengurus dana unit amanah syariah 'tersalah beli' sekuriti yang tidak patuh syariah dan mereka bertanggungjawab melupuskan sekuriti tidak patuh syariah ini. Sebarang keuntungan atau dividen hasil daripada pelupusan sekuriti tersebut akan disalurkan kepada Baitulmal atau badan badan kebajikan.

Situasi kedua pula adalah apabila berlaku pertukaran dalam operasi dan/atau pengurusan sesebuah syarikat. Pada asalnya sekuriti syarikat tersebut patuh syariah. Bagaimanapun, hasil daripada pertukaran operasi atau pengurusan syarikat tersebut, SACSC membuat keputusan dan mengklasifikasikan sekuritinya daripada 'patuh syariah' kepada 'tidak patuh syariah'.

Apabila pertukaran status ini berlaku, pengurus dana unit amanah syariah akan melupuskan sekuriti syarikat tersebut daripada potfolio pelaburan dana unit amanah syariah.

Sebarang keuntungan atau dividen hasil daripada pelupusan sekuriti yang tidak patuh syariah itu akan disalurkan kepada Baitulmal atau badan badan kebajikan.

Situasi yang ketiga yang menghasilkan wang syubhah ini pula adalah hasil daripada faedah (riba) yang diterima oleh pengurus dana unit amanah syariah, daripada simpanan atau pelaburan di institusi kewangan.

Perlu dimaklumkan di sini bahawa garis panduan SC adalah amat jelas di mana kesemua akaun untuk dana unit amanah syariah perlu dibuka menggunakan akaun berprinsipkan syariah.

-Agenda serampang dua mata

Namun begitu, bagi sesetengah dana unit amanah syariah, terutama yang perlu membeli dan menjual sekuriti syarikat yang diapungkan di bursa luar negara, mereka perlu membuka akaun di institusi kewangan negara luar, seperti Hong Kong dan Britain dalam mata wang asing untuk mengurus niaga.

Disebabkan kapasiti yang terhad, kebanyakan daripada akaun yang dibuka itu menghasilkan faedah (riba), yang secara terang-terangan bercanggah dengan prinsip syariah.

Sehubungan itu, para pengurus dana unit amanah syariah yang terlibat akan mengambil wang faedah tersebut dan seterusnya menyalurkannya kepada Baitulmal atau badan-badan kebajikan.

Penyenaraian Baitulmal oleh SACSC dalam 'Senarai Sekuriti Patuh Syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti', untuk menerima wang syubhah untuk pasaran modal Islam ini adalah usaha untuk mempromosi sistem kewangan sosial dalam negara.

Penulis percaya keputusan SACSC menyenaraikan Baitulmal ini mempunyai agenda serampang dua mata.

Dalam membantu mentakrifkan fungsi sebenar Baitulmal kepada masyarakat, ia turut menyelitkan kepentingan peranan yang dimainkan oleh Baitulmal dalam usaha membantu ekonomi negara terutama bidang kewangan Islam.

Ini adalah selari dengan wawasan negara untuk menjadikan Malaysia sebagai hub kewangan Islam serantau.

Kesedaran takaful masyarakat Islam masih lemah

SALAH satu cabaran sistem kewangan Islam adalah lemahnya kesedaran umat Islam tentang kepentingan takaful.

Ssecara dasarnya, pengendali takaful, melalui para ejen mereka sebenarnya telah berjaya menyampaikan pengetahuan tentang takaful kepada masyarakat.

Namun, sikap tidak ambil peduli tentang kepentingan takaful membuatkan mereka terdedah kepada risiko bencana yang mungkin akan menimpa diri sendiri dan juga keluarga.

Tidak hairanlah mengikut satu data yang dipetik pada 2021, hanya 17.1% sahaja daripada populasi rakyat Malaysia melanggan produk takaful keluarga.

Rupanya, masih ramai yang menunggu dengan sambil lewa untuk menjadi ahli tabung tabarru' yang disediakan oleh 11 pengendali takaful keluarga yang berdaftar di Malaysia.

Antara sebab kelemahan tentang kepentingan takaful kerana masih terdapat sebilangan masyarakat yang tidak tahu perbezaan antara insurans dan takaful.

Walaupun, kedua-duanya mempunyai niat yang baik, namun dari sudut kehendak syariah, takaful lebih sesuai, terutama kepada umat Islam.

-Apakah perbezaan insurans dan takaful?

Takaful dan insurans adalah jenama produk yang ditawarkan oleh syarikat insurans dan pengendali takaful.



Kewujudan takaful adalah untuk menyesuaikan masyarakat Islam dengan budaya serta gaya hidup mereka yang dahagakan produk halal dan patuh syariah.

Insurans berkonsepkan 'pampasan kerugian'. Premium yang dibayar pelanggan akan dimiliki oleh syarikat insurans dan mereka akan membayar pampasan sekiranya berlaku kemalangan atau bencana kepada pelanggan mereka.

Takaful pula berkonsepkan 'tolong menolong' (ta'awun). Sumbangan yang dibayar pelanggan akan dimasukkan ke dalam tabung dana peserta di mana dana tersebut bukan milik pengendali takaful. Ia adalah milik bersama pelanggan-pelanggan takaful.

Pengendali takaful hanya mengendalikan tabung itu sahaja. Sekiranya pelanggan ditimpa musibah, maka, dana dari tabung peserta tersebut akan diguna untuk membantu pelanggan berkenaan. Insurans pula mengaplikasi kontrak jual beli. Pelanggan membeli polisi insurans dengan membayar premium. Premium ini adalah harga kepada 'perlindungan' yang dibeli oleh pelanggan.

Dalam operasi takaful, sebaliknya, kontrak yang digunakan ialah tabarru', iaitu, sumbangan ke tabung dana peserta. Bayaran yang dibuat oleh pelanggan disebut 'sumbangan' dan bukan 'premium'. Kontrak jual beli yang digunakan oleh operasi insurans tidak selari dengan rukun-rukun jual beli yang digariskan oleh syariah. Satu daripada rukun jual beli iaitu barang, tidak lengkap dalam kontrak jual beli insurans.

Dari sudut pandangan syariah, 'perlindungan' yang dibeli oleh pelanggan insurans bukan barang yang boleh diterima.

'Perlindungan' bukan barang. Oleh demikian, rukun jual beli tidak lengkap dan ia menimbulkan unsur 'gharar', iaitu, isu ketidakpastian yang membawa kepada terbatalnya kontrak jual beli tersebut.



Penindasan riba yang diharamkan

Riba itu haram. Semua setuju. Sebab apa riba itu haram? Sebab berlaku penindasan. Tujuan pengharaman riba ialah untuk mengelak penindasan. Penindasan akan memudaratkan masyarakat. Hukum taklifi, riba ialah haram. Impak penindasan riba bertentangan dengan maqasid Syariah yang menghalang perkara yang mudarat dan menganjurkan perkara kebaikan kepada umat manusia.

Dalam soal penindasan ini, ada sebilangan individu menyatakan penjanaaan '*profit*' Islamik bank adalah riba sebab ia juga menindas. Bagi penulis, individu seperti ini disaran untuk belajar ilmu muamalat sebelum membuat penyata-penyata Pak Kaduk sebegitu. '*Profit*' tidak boleh disamakan dengan riba. Definisi riba lain, buyu' dan duyun. Kena belajar apa dia buyu' dan duyun dahulu.

Penindasan ialah '*oppression*'. Dikatakan bahawa '*profit*' yang dicaj oleh perbankan Islam juga menindas, kerana mahal. Oleh kerana mahal dan menindas, lalu individu tersebut menyamakan '*profit*' ini dengan riba. Ini tidak benar. Hipotesis ini salah. '*Profit*' adalah hasil jualbeli. Riba adalah hasil lebihan dari jumlah pinjaman.

Jual secawan teh tarik yang harga kos tak sampai 20 sen dengan harga RM1-50 bukan riba. Pemberian pinjaman RM100 dan dibayar balik RM150, ia riba. Satu untung dari '*profit*' jualbeli dan satu lagi untung dari '*profit*' pinjaman. Untung '*profit*' jualbeli halal dan untung '*profit*' pinjaman haram. Sumber dari Al-Quran - surah Al Baqarah 275.

Dalam muamalat dan iktisad '*free-market*' sekarang, pelanggan bebas memilih. Kalau dirasa '*profit rate*' tinggi di satu bank, mereka boleh mencari '*profit rate*' di bank yang lain, yang jauh lebih rendah dari bank yang dikatakan mahal. Bank-bank pun bersaing di antara satu sama lain untuk menawarkan produk mereka. Kita boleh pilih mana yang kita suka. '*Willing seller and willing buyer*'.

Di Malaysia, terdapat 31 bank menawarkan produk perbankan Islam. Kalau satu bank mahal, ada lagi 30 bank yang boleh kita pergi membeli belah. Adakah kita membeli belah untuk pembiayaan perumahan kita?



Isu tindas atau tidak tindas tidak relevan di sini. Ianya digembar-gembur untuk mencari populariti sahaja. Resolusi dari mujtahid dan scholars telah termaktub malah dipersetujui di seluruh dunia. Kenapa kita masih mahu bertuhan kepada pendapat sebilangan kecil "pakar-pengkritik perbankan Islam" yang mungkin tidak ada kepakaran dalam ilmu fiqh muamalat, usul fiqh dan qawaid fihiyah?

Tahukah kita bahawa setiap fatwa / resolusi wajib disaring melalui proses yang teliti sebelum mencapai keputusan Syariah. Ia memerlukan tenaga dan kudrat yang hebat termasuk rujukan sumber-sumber Syariah seperti Al-Quran, Sunnah, Ijma' dan Qiyas. Para mujtahid pula tidak boleh diwakili oleh individu biasa. Mereka bekelayakan.

Oleh itu, pada rakyat biasa, jangan terpedaya dengan tohmahan palsu yang cuba memporak perandakan sistem perbankan Islam yang sedia ada sekarang. Kita masih lagi mencari 'perfection' dalam 'environment' yang penuh dengan debu-debu riba dan tertakluk kepada adat dan budaya kewangan kapitalis. Proses pengharaman arak dan riba pun melalui beberapa fasa ayat Al-Quran. Ini proses tadarruj.

Penulis mengharap kesepakatan dan sokongan kita semua mampu mengukuhkan lagi daya ketahanan dan usaha berterusan dalam mengembalikan martabat kewangan Islam ke takhta yang sepatutnya.



'Tong kosong' masih berbunyi, tolonglah jangan kelirukan lagi masyarakat

SUARA-SUARA sumbang yang masih lagi berbunyi daripada 'tong-tong kosong' harus dibalas untuk mengelakkan masyarakat terus terkeliru dengan dakyah palsu dibawa mereka.

Prof. AAA mengatakan bahawa: "Bank syariah adalah bid'ah terbesar abad ini."
Prof. BBB pula mengatakan: "Bank syariah adalah industri ternak riba."

Ini pula kata Sheikh CCC, "Bank syariah adalah Kuda Troya di negeri muslim."
Tambah Sheikh DDD, "Bank syariah adalah riba daripada pintu belakang."

Prof. EEE turut mendakwa, "Perbankan syariah dan konvensional adalah kembar siam!!" Saya pula sering mengatakan: "Bank konvensional haramnya 100%, bank syariah haramnya "300%" kerana sudahlah riba, tambah mengelabui mata umat dengan embel-embel syariah."

Bagi penulis, kadangkala kita tidak berupaya untuk menerangkan perkara sebenar disebabkan kekangan ilmu di dada.

Apa yang mampu ialah dengan menghulurkan rujukan-rujukan kepada masyarakat bagaimana perbankan Islam dipraktikkan sekarang dengan merujuk kepada resolusi-resolusi yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia (BNM) dan juga MPS Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), serta fatwa-fatwa mufti negeri di Malaysia.

Rujukan juga boleh dibuat dengan *The Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions(AAOIFI)* dan *The International Islamic Fiqh Academy (IIFA)* yang berpusat di negara Asia Barat.

Memang mudah untuk mereka menidakkan apa sahaja yang diusahakan oleh perbankan Islam. Tetapi, apakah penawar atau cadangan yang boleh diberikan untuk menidakkan aplikasi riba dalam sistem perbankan ini?

Adakah cadangan ini boleh diadaptasi dengan undang-undang dunia yang dikawal oleh kuasa-kuasa besar kewangan barat yang bertuhankan riba?

Adakah, para alim ulamak dan cendekiawan Islam seperti Sheikh Nizam Yaqubi, Sheikh Essam Eshak, Tan Sri Dr. Daud Bakar, Dr. Aznan Hasan, tidak menguasai ilmu syariah dan teknikal kewangan?

Cuba bandingkan cendekiawan ini dengan para professor dan sheikh yang membuat kenyataan di atas. Apakah ilmu syariah mereka itu setanding?

Penulis boleh menghormati pandangan para professor dan sheikh di atas. Bagus juga untuk mengambil kira pandangan mereka dan memperbaiki yang mana kurang dalam aplikasi perbankan Islam.

Akan tetapi kalau pandangan mereka hanya untuk mengkritik macam tong kosong tanpa cadangan, penulis merasakan tidak akan ada faedah untuk terus bertengkar dengan mereka kerana masa akan terbuang begitu sahaja.

Oleh itu, penulis menyarankan para para profesor dan sheikh di atas supaya merujuk kepada resolusi-resolusi MPS BNM dan MPS SC, AAOIFI dan IIFA.

Ini kerana kesemua tohmahan mereka sebenarnya sudah pun terjawab dalam resolusi-resolusi tersebut.

Tolonglah jangan terus-menerus memudaratkan usaha dakwah perbankan Islam dengan mengelirukan masyarakat melalui media sosial. Tolonglah!



Waspada taktik 'penyamun tarbus' dalam skim pelaburan patuh syariah

KETIKA ini terdapat terlalu banyak scammer pelaburan patuh syariah (penulis gelar 'penyamun tarbus') yang menipu rakyat Malaysia dengan skim-skim pelaburan auta yang menjanjikan bulan dan bintang.

Malangnya, walaupun banyak nasihat telah diwartakan oleh pihak yang berwajib seperti Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), namun kedegilan dan sikap tidak ambil peduli sebilangan rakyat menyebabkan mereka mengalami kerugian. Lebih parah lagi, mereka kehilangan semua wang pelaburan.

Apakah taktik yang mereka gunakan?

Penulis ingin menyenaraikan beberapa taktik penipuan yang mungkin dapat dijadikan panduan untuk rakyat melabur dengan mana-mana syarikat pelaburan.

PERTAMA

Mereka selalu menggunakan nama-nama individu yang terkenal seperti artis, orang kenamaan dan tokoh agama untuk mendapatkan keyakinan para pelabur untuk melabur dalam skim auta mereka. Individu terkenal ini dijadikan duta skim pelaburan mereka.

KEDUA

Mewartakan pulangan yang amat tinggi melepasi paras pulangan pelaburan yang biasa dalam industri. Pulangan yang dijanjikan kadang-kadang tidak masuk akal tetapi ia berjaya membelit para pelabur yang tidak berdosa.

KETIGA

Para penyamun tarbus ini akan menggunakan media sosial seperti Facebook dan Instagram untuk memasarkan skim auta pelaburan mereka. Malah, mereka akan menggunakan perkataan-perkataan seperti modal dan keuntungan dijamin, sedangkan dalam muamalat Islam setiap pelaburan mesti ada risiko kerugian dan pulangan tidak boleh ditetapkan awal-awal.

KEEMPAT

Menggunakan nama penasihat syariah yang berdaftar dengan SC. Terlalu banyak iklan-iklan di media sosial kini, cuba menipu dengan menyatakan bahawa skim pelaburan auta mereka telah diluluskan oleh penasihat syariah berdaftar.

KELIMA

Ini amat penting untuk diambil maklum. Selalunya pelaburan auta daripada penyamun tarbus ini akan meminta para pelabur memasukkan wang pelaburan ke dalam akaun syarikat mereka atau akaun peribadi dalam syarikat. Untuk makluman, untuk sebarang skim pelaburan, dari sudut tadbir urusnya, wang pelaburan akan dikreditkan ke dalam akaun syarikat pemegang amanah (trustee) yang menjaga wang para pelabur.

Taktik-taktik yang disebut penulis tidak menyeluruh. Para penyamun tabus sebenarnya tidak ketandusan idea untuk menipu para pelabur.

Dalam hal ini, penulis menyeru rakyat Malaysia untuk lebih mengambil sikap berhati-hati apabila didatangi oleh ejen-ejen penyamun tarbus ini.

Siasatan yang teliti haruslah diberikan sebelum mengambil keputusan membuat sesuatu pelaburan.

Salah satu kelemahan para pelabur ialah tamak, mudah percaya dan tidak ambil peduli dengan amaran-amaran yang diwartakan.

Oleh demikian, sebelum kita menyambut Ramadan dan Syawal ini, penulis menyarankan agar para pelabur di luar sana berhati-hati dan bertanyalah dengan lebih teliti sebelum melabur dalam mana-mana skim pelaburan patuh syariah yang ditawarkan.



PAK Man Telo.



Jangan hanya pandai tuding jari, lebih baik cari ilmu

AMBIL pembiayaan Islam, dikata 'back door riba'. Ambil akaun simpanan, dikata 'no return'. Ambil takaful, dikata mahal. Ambil dana amanah islamik, dikata tidak untung. Semua negatif.

Bila 'islamik' saja, semua negatif. Lupa habis halal dan haramnya. Habis? Ambil yang ada interest (faedah) itu adakah islamik?

Sebab ia 'front door riba'. 'Back door riba' tak boleh, tapi 'front door riba' tak apa! Kata mereka.

Pada penulis, ini semua adalah alasan. Alasan si pemalas, si penyegan dan si jahil. Malas hendak cari fakta. Segan hendak bertanya dan jahil ilmu. Hangat diperkatakan dalam sosial media ungkapan negatif sebegini.

Pertama:

"Banyak diskusi anak muda di media sosial secara santai. Yang beri hujah kritik perbankan Islam ramai dah bagi soalan, tapi kalau yang menyokong perbankan Islam jadi defensif, tak *address issue*, yang rugi masyarakat."

Ulasan:

Pada hemat kecil penulis, mencari ilmu kurang molek bertanya dengan melontarkan soalan dalam FB/Linkedin/Twitter sebegini. Dan mengharap orang ramai yang membaca untuk menjawabnya. Adalah malang dan mudarat jika terdapat jawapan-jawapan sesat yang seterusnya akan menyesatkan lagi pembaca-pembaca media sosial. Sebenarnya, soalan-soalan yang dilontarkan di atas hanya mampu dijawab oleh individu (atau mujtahid) yang ada kefahaman syariah dan teknikal. Pada penulis, mencari ilmu kenalah berguru dengan guru-guru berkelayakan yang majoritinya berilmu dalam syariah dan teknikal.



Kedua:

"Zaman sekarang boleh kata ramai profesional/ahli akadmeik keluarkan artikel dalam Facebook/Twitter/portal berita, bukan saja terbitkan jurnal."

Ulasan:


Kaedah untuk menimba ilmu boleh dilaksana secara bersemuka atau secara dalam talian. Namun, pembelajaran kita itu kenalah ada guru. Guru akan memberikan bimbingan agar tidak terpesong dari mentafsir ilmu yang dibaca dan dikaji. Guru akan tapis ilmu untuk mendapatkan ilmu yang tepat lagi manfaat.

Ketiga:

"Rumah tidak siap, pemaju buat hal, kenapa pula pembeli kena tanggung akibatnya. Islamik ke macam ini?"

Ulasan :

Berkaitan rumah terbengkalai, penulis akan menunding jari kepada 3 pihak. Pihak pertama ialah pemaju yang mungkir janji untuk menyiapkan rumah. Kedua ialah pelanggan bank sendiri, kerana membuat keputusan terburu-buru membeli rumah dari pemaju 'Pak Kadok' sebegini. Seharusnya pembeli mencari pemaju yang ada kelayakan dan pengalaman membina rumah dan bukannya mencari yang tidak mempunyai pengalaman. Jangan tertipu dengan pemaju yang ambil kesempatan. Pihak ketiga ialah bank sendiri. Penulis menyaraankan agar bank menapis senarai pemaju sebelum meluluskan permohonan pembeli untuk pembiayaan perumahan mereka. Kesimpulan, usah salahkan sesiapa. Kalau hendak beli rumah pilihlah pemaju yang mampu siapkan rumah.



MAMPUKAH SERAH TERIMA (QABD) MATAWANG BERLAKU DALAM PLATFORM ELEKTRONIK FOREX?

INI berdasarkan pembacaan penulis dalam artikel bertajuk 'Operasi Perdagangan Pertukaran Mata Wang Asing oleh Individu Secara Lani (*Individual Spot Forex*) Melalui Platform Elektronik: Satu Sorotan dari Sudut Syariah' yang diterbitkan oleh ISRA.

Penulis menyimpulkan bahawa operasi perdagangan forex adalah sebuah transaksi perdagangan yang dijalankan dengan cara membuka posisi (*open position*) terhadap item yang dipilih dan diakhiri dengan menutup posisi (*close position*) terhadap item yang sama.

Sebagai contoh, penulis mahu membuka posisi long terhadap item EUR/USD, dengan maksud untuk membeli matawang EUR dengan membayar mata wang dolar USD.

Di dalam syariah, tuntutan serah terima (qabd) daripada transaksi ini ialah:

- Penulis hendaklah menyerahkan matawang USD kepada broker; dan
- Broker hendaklah menyerahkan matawang EUR kepada penulis

Tetapi dalam perdagangan forex online, difahamkan bahawa, broker tidak akan mengkreditkan serta-merta mata wang EUR yang penulis beli ke dalam akaun penulis.

Jadi, penulis yang telah membuka posisi membeli item EUR/USD tidak dapat membuat qabd terhadap mata wang EUR yang penulis beli, kerana selagi posisi yang penulis buka masih dalam status *OPEN*.

Penulis juga tidak akan dapat menikmati segala keuntungan daripada kenaikan harga mata wang EUR tersebut kerana penulis hanya akan boleh menjual balik mata wang ini sekiranya penulis membuat *CLOSE*.



Di dalam Piawaian *Shariah Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI)*, antara syarat yang wajib dipenuhi untuk mengesahkan perdagangan mata wang ialah berlakunya serah dan terima dalam satu masa (taqabud) sebelum kedua-dua pihak berpisah daripada majlis akad, samada taqabud itu berlaku secara fizikal (hakiki) atau konstruktif (hukmi).

Maka, di sini timbul isu ketiadaan qabd terhadap mata wang yang dibeli oleh penulis ketika membuka posisi long (membeli instrumen EUR/USD).

Ini kerana selagi penulis tidak menutup posisi pertama, penulis tidak mungkin dapat menikmati apa-apa keuntungan sebenar daripada kenaikan harga EUR berbanding USD.

Penulis juga tidak mungkin dapat mengeluarkan terhadap keuntungan yang diperoleh daripada perubahan harga selagi mana penulis belum membuat *CLOSE* terhadap posisi, iaitu menjual balik EUR.

Sehubungan itu, untuk menepati kehendak syariah, persoalan yang ingin penulis utarakan:

-Mampukah broker memastikan mata wang yang dibeli ketika penulis membuka posisi, DAPAT dikreditkan ke dalam akaun penulis, sebelum mata wang tersebut dijual balik kepada broker ketika penutupan posisi?

-Mampukah broker memastikan keuntungan yang diperolehi daripada kenaikan harga mata wang EUR yang dibeli boleh dilakukan pengeluarannya (withdrawal) dalam nilai EUR juga?

Kemampuan menepati persoalan di atas akan memastikan bahawa akan berlakunya qabd, sama ada hakiki mahupun hukmi terhadap mata wang yang diperdagangkan dalam forex online dari segi konteks qabd mata wang yang dibeli oleh pedagang ketika membuat open position.

Penulis merasakan ia mampu dilaksana walaupun perubahan yang bakal dilaksana akan mengambil masa yang agak lama.



Mana lagi untung - konvensional atau syariah?

MINGGU lalu, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengisytiharkan kadar dividen 2021 sebanyak 6.1% untuk Simpanan Konvensional dengan pembayaran berjumlah RM50.5 bilion manakala 5.65% untuk Simpanan Syariah 2021 dengan pembayaran berjumlah RM6.3 bilion.

Jumlah dividen itu adalah lebih tinggi berbanding tahun lalu dengan 5.2% bagi konvensional dan 4.9% untuk syariah.

Bagaimanapun, data yang diperoleh menunjukkan hanya 15.1% pencazum muslim yang memilih akaun syariah ini. Apa sudah jadi dengan 84.9% pencazum muslim yang lain?

Malah jika dihitung, hanya 8.3% sahaja daripada keseluruhan pencazum KWSP memilih akaun KWSP syariah. Menyedihkan!

Kepada pencazum muslim yang masih belum bertukar kepada syariah, penulis ingin menyatakan bahawa bukan kesemua dividen 6.1% konvensional itu boleh diiktiraf sebagai halal.

Ini kerana 68% hingga 70% pelaburan secara konvensional adalah tidak patuh syariah. Sebaliknya, hanya 30% daripada dividen konvensional ini boleh diterima sebagai dividen yang halal.

Oleh demikian, sebahagian besar daripada dividen tersebut mestilah dibersihkan dengan menyalurkan kepada Baitulmal atau badan-badan kebajikan.



KWSP
Simpanan
Shariah

Terdapat beberapa komentar yang menyuarakan kebimbangan mereka, takut-takut orang awam terkeliru dengan mengatakan mereka boleh terus simpan dalam akaun konvensional dan kemudian hanya bersihkan bahagian yang tidak patuh syariah itu sahaja. Bukan begitu. Ini tidak benar. Mana-mana pelaburan yang tidak patuh syariah sememangnya tidak dibenarkan syariat.

Namun, jika pencarum daripada awal sudahpun terjebak dengan KWSP secara konvensional ini, maka barulah pembersihan dividen tersebut dibuat. Isunya, masih ramai lagi orang awam (rata-rata muslim) yang masih terjebak sehingga sekarang.

Mesej penulis berkaitan dividen KWSP ini ialah TUKAR kepada KWSP syariah. Tidak ada 2 pilihan lagi.

Akaun konvensional ternyata tidak patuh syariah.

Tetapi, bagi mereka yang masih lagi belum sampai WAHYU (pengetahuan) tentang perkara ini dan masih berpegang kepada KWSP konvensional, sebenarnya mereka diwajibkan membersihkan dividen itu mengikut seperti yang ditetapkan Ahli Jawatankuasa Syariah KWSP.

Kepada kes di atas, setelah mereka tahu yang KWSP syariah sebenarnya sudah pun disediakan, maka, mereka WAJIB menukarnya serta-merta kepada syariah tanpa alasan.

Pada masa sama, juga terbukti bahawa dividen konvensional yang boleh diterima (patuh syariah) adalah lebih kecil daripada dividen syariah. Ada yang telah membuat pengiraan dan mendapati sebenarnya hanya 1.85% sahaja dividen yang boleh diterima oleh pencarum akaun KWSP konvensional, dan bukannya 6.1%.

Buktinya, ialah dengan menolak peratusan pelaburan konvensional yang tidak patuh syariah daripada dividen 6.1% yang telah diisytiharkan. Mana lagi untung? Adakah 1.85% (daripada 6.1%) atau 5.56%? Jadi, tukarlah kepada KWSP syariah!



KWSP
Simpanan
Shariah

IKTISAD **KEWANGAN ISLAM**

Politeknik Nilai: Siri 1

Maksudnya: “Jauhilah kamu daripada tujuh dosa besar ini (perkara yang membinasakan).

Para sahabat bertanya: Apakah ia wahai Rasulullah SAW? Rasulullah SAW bersabda: Syirik kepada Allah SWT, sihir, membunuh jiwa yang telah diharamkan oleh Allah SWT melainkan dengan kebenaran, memakan riba, memakan harta anak yatim, melarikan diri dari peperangan dan menuduh wanita yang beriman dengan berzina”. [Riwayat al-

Bukhari (2766) (6857) dan Muslim (145)]



e ISBN 978-967-2742-16-6



9 789672 742166